

**MESUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
BILIK MESUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

SELASA, 6 Mac 2012

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili

*[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]*

YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]

YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]

YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]

YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]

YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah

*- Pengurus*

*- Timbalan Pengurus*

*- Setiausaha*

**Tidak Hadir *[Dengan maaf]:***

YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]

YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]

YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I  
(Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

YBhg. Datuk Kamaruddin bin Mohamed Baria [Setiausaha]

YBhg. Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah [Timbalan Setiausaha Pilihan Raya]

samb/-

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (samb/-)**

Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]  
Encik Ikmalrudin bin Ishak [Timbalan Setiausaha (Pengurusan)]  
Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang]  
Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian  
(Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]  
Encik Ibrahim Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]  
Encik Suhaimi bin Saudi [Setiausaha Bahagian (PSM)]  
Encik Muhammad Firdaus bin Mohd Ramli [Setiausaha Bahagian (AD)]  
Encik Shah Aruzaman bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]  
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]  
Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya) 2]  
Cik Noor Azira Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (Pengurusan Sumber Manusia) 2]  
Puan Hartini Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]

**Kementerian Dalam Negeri**

Puan Rafidah binti Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian  
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]

**Jabatan Pendaftaran Negara**

Encik Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]  
Puan Laila binti Abdul Majid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]  
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Junipah binti Wandi [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan & Perundingan)]  
Encik Ismajuri bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]  
Encik Daniel Dayin [Penolong Penguasa]  
Encik Mazery Zaini [Penguasa]

**Polis Diraja Malaysia**

YBhg. DCP Dato' Muhammad Fuad Abu Zarim [Timbalan Pengarah KDN/KA]  
YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah  
(Forensik Data Bank) Bukit Aman]  
YBhg. SAC Dato' A. Rahman Ahmad [Penolong Pengarah Urus Setia Bukit Aman]  
YBhg. SAC Dato' Mohd Aris Hj. Ramli [Polis Diraja Malaysia]  
SAC Abdul Hamid Mohd Ali [Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP)  
Bukit Aman ]  
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]

samb/-

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)

**Kementerian Pertahanan**

Lt. Kol. Omar Daud [Penolong Setiausaha (Unit Kabinet dan Parlimen)]  
Mejar Ali Puad Ahmad [Pengurus ICT]

**Kementerian Luar Negeri**

Encik Dzulkefly Abdullah [KPSU]

**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]  
Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]

**MIMOS**

Encik Kamarulzaman Abd Mutualip [Pegawai Kanan]

**MOSTI**

YBhg. Datuk Dr. Bernard Maraat [Pegawai Khas]  
Cik Jane Ritikos [Setiausaha Akhbar]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Parlimen Malaysia****Selasa, 6 Mac 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.42 petang**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
**mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**Tuan Pengerusi:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya negara. Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, semua pegawai dari jabatan dan agensi induk, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Media hendak ambil gambar terima kasih bahawa *we non stop being working so okeylah sila masuklah dia orang untuk mengambil gambar*. Dia kata tinggal empat mesyuarat lagi atau tiga dia hendak tengok kita. So, saya benarkan untuk mengambil gambar dan jika perlu penghujungnya mesyuarat 4.30 *maybe we can talk to them* kalau ada yang perlu dilaporkan.

Okey, sila masuk para penyokong-penyokong PSC... *[Ketawa]* Terima kasih atas perhatian. Boleh masuk dalam sini kalau hendak *you know* ambil gambar Yang Berhormat Gombak yang muka pandai berubah dan di sini ditujukan dengan Yang Berhormat Kangar yang walaupun veteran masih muda seperti dulu... *[Ketawa]*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Baru celebrate birthday.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ada sebab ini.

**Tuan Pengerusi:** Ada sebab ini. *Of course* Hulu Selangor itu sentiasa mudalah *you know...* *[Ketawa]* Ada TV dia satu. Okey. Ada untuk makluman mohon maaf daripada anggota Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Alor Gajah. Okey. Yang Berhormat Kuala Krai *on the way*. Okey, terima kasih banyak. Wah! Yang Berhormat Kuala Krai ini baru namanya disebut *you know* ini ikan krai terus keluar... *[Ketawa]*

Terima kasihlah salam hormat kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seterusnya sekali lagi pegawai-pegawai tertinggi daripada agensi-agensi dan kita semua. So, dan juga Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Sebagai permulaan di sini izinkan saya mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas Mesyuarat Keempat Jawatankuasa pada hari ini. Saya rasa mesyuarat keempat bagi tahun inilah. Ini kerana kalau mesyuarat itu *I think* bilangan kelapan okey. Mesyuarat kelapan bagi Jawatankuasa ini.

Pada hari Khamis, 9 Februari 2012, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat bagi membincangkan beberapa perkara terutama iaitu pertama bagi mendengar taklimat yang telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia berhubung persiapan terkini yang telah dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya menjelang Pilihan Raya Umum yang akan datang. Seterusnya, Jawatankuasa telah membincangkan berkenaan persiapan Jawatankuasa mengenai lawatan kerja ke United Kingdom, Jerman dan Denmark pada 21 hingga 28 Februari 2012 dan Jawatankuasa juga telah bermesyuarat berkenaan perkara-perkara berbangkit sepanjang sesi pendengaran awam yang telah diadakan sebelum ini.

Sebagai satu tambahan, barangkali awal di dalam agenda seterusnya nanti saya akan juga minta dari pihak Suruhanjaya Pilihan Raya kalau ada *update* terkini mengenai pelaksanaan-pelaksanaan yang sedang dijalankan khususnya ada dua lagi perubahan kepada peraturan itu yang dijangka akan diwartakan pada bulan April, okey. Jikalau ada perkembangan kepada perkara-perkara tersebut iaitu *I think* mengenai dengan tatacara di peringkat pengundian itu, okey dan perihal pengundian awal. Nanti saya panggil nanti untuk dua *update* mengenai itu. Untuk makluman semua, seramai 18 orang delegasi Jawatankuasa telah menghadiri lawatan kerja ke United Kingdom, ke Jerman dan Denmark pada 20 hingga 28 Februari 2012.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mendengar dan melihat dengan lebih dekat sistem pilihan raya serta prosedur-prosedur yang dapat menambahbaikkan perjalanan pilihan raya di negara kita. Jawatankuasa itu telah berada di London, UK pada 21 dan 22 Februari, di Frankfurt pada 23 Februari 2012, di Berlin pada 24 dan 25 Februari dan di Copenhagen pada 26 hingga 28 Februari. Program sememangnya begitu ketat sekali, banyak juga yang kompelin bangun pukul empat ke *airport* terbang sampai ke Frankfurt terus pergi dua, tiga taklimat, malam baru *check in* jadi dan dengan perubahan masa itu bukan senang tetapi namun saya melihat semua ada konsentrasilah tidak ada yang mengantuk pun okey.

So, kita telah sibuk menjalankan tugas, di United Kingdom, Jawatankuasa telah bertemu dengan beberapa pihak. Satu Ahli-ahli Parlimen United Kingdom bagi membincangkan isu berkenaan *non resident voters* juga merangkumi isu seperti *electoral fraud* dan sebagainya. Ini diadakan di *House of Commons* di Parlimen Westminster.

Perjumpaan juga dengan *Electoral Reform International Services* (ERIS) sebuah NGO yang turut membantu dalam menambahbaikkan institusi demokrasi serta proses-proses pilihan raya.

Ketiga, pertemuan dengan Speaker *House of Commons Canada* bagi berkongsi pandangan berkenaan perjalanan sistem Parlimen dan pilihan raya di negara tersebut.

Keempat, mesyuarat bersama dengan *Boundary Commission* sebuah suruhanjaya yang bertindak selaku badan yang membentuk sesebuah kawasan pilihan raya di England okey. Jadi, seperti nanti telah kami *observed* ini di United Kingdom ataupun di Germany, bukan seperti sistem kita di sini di mana Suruhanjaya Pilihan Raya dipertanggungjawabkan untuk buat kerja daripada A ke sampai Z. Di situ ini di London, di United Kingdom misalnya *Electoral Commission* buat soal perundangan dan juga perjalanan pilihan raya.

#### ■ 1450

*Boundary commission*, yang dipertanggungjawabkan untuk membuat *delineation* dan *local government* yang membuat pendaftaran. Tiga pilihan raya yang dikendalikan, satu adalah *local government*, satu adalah *British Parliament* dan satu lagi adalah EU. Kalau di *Germany*, empat pilihan raya iaitu pertama *local*, kedua *state*, ketiga federal dan keempat EU okey. So banyak yang telah dipelajari, nanti saya akan buka selepas kata-kata ini untuk rekod *basic impression* dahulu barangkali ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap untuk tujuan rekod, menghuraikan sedikit dari segi *basic impression* lawatan tersebut.

Lawatan ke *Frankfurt* adalah seperti berikut, pertemuan dengan *Honorable Norbert Kartman*, President of the *Hessischer Landtag, State Parliament of Hesse* di *Wiesbaden*. Saya nampak itu satu *state parliament* dan kita banyak observe di situ macam *re-powerful Speaker* nya di situ, *interesting* bangunan yang begitu lama diubahsuai untuk tujuan Parlimen yang kecil jika dibandingkan dengan di sini. Juga pertemuan dengan *Federal Returning Officer* yang merupakan pihak yang mengendalikan perjalanan pilihan raya di Jerman, ia ditempatkan di *Frankfurt* dan bukan pula di *Capital of Germany*. Mengikut sejarah *since very powerful gentleman who host the power to run the election lastly*.

Jadual di *Berlin* adalah seperti berikut untuk tujuan rekod, pertemuan dengan *Konrad Adenauer Foundation* sebuah badan pemikir Jerman bagi parti CDU, terlibat secara langsung dalam proses pilihan raya di Jerman.

Kedua mesyuarat bersama *Christian Democratic Union Party* (CDU) yang berkongsi berkenaan sistem parti dan pembiayaan parti politik termasuk sistem web mereka, ICT yang telah kita teliti.

Ketiga lawatan ke *Federal Chancellery Building*, kompleks yang menempatkan pejabat rasmi Canselor Jerman sendiri, so itu pun satu yang boleh digunakan untuk meneliti bagaimana corak pentadbiran presiden atau Canselor *Germany* di tempat tersebut.

Seterusnya lawatan Jawatankuasa ke *Copenhagen Denmark* adalah seperti berikut, taklimat dan lawatan ke Parlimen *Denmark* yang diketuai perjalannya oleh Yang Berhormat Kangar. Pertemuan bersama dengan *Lithotech-Bording* sebuah syarikat yang mengeluarkan produk-produk yang berkaitan dengan pilihan raya dan akhir sekali mesyuarat bersama *Ministry for Economic and Interior Affairs*, agensi yang bertanggungjawab mengendalikan pilihan raya di Denmark. Hasil daripada lawatan tersebut, jawatankuasa telah mendapatkan beberapa input yang relevan dan telah menimbangkan beberapa perkara untuk menambahbaikkan sistem pilihan raya negara kita.

Untuk makluman semua Ahli Jawatankuasa, jawatankuasa akan meneruskan perbincangan berkenaan isu-isu yang telah pun dibangkitkan semasa pendengaran awam yang telah kita terus fikir secara mendalam apabila melihat sistem lain daripada apa yang dipraktikkan di negara kita. Antaranya adalah seperti berikut yang mana saya melihat *outstanding matters* yang kita boleh membuat resolusi ataupun tidak membuat resolusi untuk laporan akhir iaitu pertama umur kelayakan mendaftar dan mengundi iaitu 18 tahun ke 21 tahun. Di negara-negara yang kita telah tinjau memang berbeza daripada apa yang telah kita praktik kan di sini.

Kedua, isu Daftar Pemilih *electoral roll*, ini di bawah Jawatankuasa Kecil kami di mana kami ada mengadakan mesyuarat pada awal pagi tadi dan bagi kami, kami *quit advance, we are maybe more or less other stage* dalam tempoh satu minggu melaporkan semula kepada Jawatankuasa apa yang ingin kami cadangkan untuk *adaptation* bagi jangka pendek ataupun jangka panjang. (C), persempadanan semula pilihan raya, ini di bawah alternatif sistem sebenarnya. (D), pendaftaran secara automatik dan ini di bawah daftar pemilih jawatankuasa kecil. (E), pembentukan politik ini di bawah proses pilihan raya jawatankuasa. (F), pelan alternatif bagi kedudukan SPR dan ini di bawah institusi SPR – jawatankuasa. (G), akses kepada media - ini di bawah jawatankuasa proses pilihan raya, nanti apabila hendak dibawa kepada jawatankuasa selepas meneliti cadangan-cadangan. (H), pengundian luar, *overseas voting* telah pun kita buat resolusi mengenai perkara ini tetapi dari segi pelaksanaan kita masih lagi sibuk membincangkannya memandangkan *procedure* itu nampaknya daripada pengalaman kita di dalam negara banyak yang perlu kita komen atau tinjau semula ataupun meninjau ke hadapan.

(I), kebebasan SPR sekali lagi, ini mengenai dengan institusi dan lain-lain sistem pilihan raya, perwakilan iaitu pertama perwakilan berkadar ataupun *person to presentation* yang mana berbeza dengan kerangka perundangan atau *legal framework* di Malaysia.

*Di Germany it is a combination of first-past-the-post and Proportional dan very exciting discussion* walaupun apabila kita banyak bertanya soalan - fahamlah Ahli Jawatankuasa ini di mana soalan-soalan yang sangat mendalam menyebabkan mereka *confuse* dan tidak boleh menjawabnya juga. *So I don't know what is you pick from there tetapi we can do a reflection selepas ini.*

Itu hanyalah sekadar untuk kita kenal pasti, masih boleh masukkan lagi subjek-subjek di bawah jawatankuasa kecil yang diangkat nanti. Sukacita saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa yang masih belum mengadakan mesyuarat bagi Jawatankuasa Kecil masing-masing untuk berbuat sedemikian bagi merumuskan beberapa perkara yang boleh dijadikan atas pertimbangan dalam menyiapkan laporan akhir jawatankuasa. Saya difahamkan bahawa masih terdapat Jawatankuasa Kecil yang belum bermesyuarat setakat ini ataupun masih dalam peringkat persiapan. Saya mohon daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memberikan kerjasama dalam membantu menyiapkan laporan jawatankuasa yang lengkap kelak nanti.

Seperi yang telah dimaklumkan sebelum ini mesyuarat Jawatankuasa bagi membincangkan draf pertama Penyata Jawatankuasa akan diadakan pada hari Rabu 14 Mac iaitu minggu depan, pada jam 4 petang iaitu hari ketiga persidangan Parlimen. Kita berharap agar apa-apa cadangan selepas hari ini berbincang secara meluas berkaitan tajuk-tajuk yang harus dimasukkan tetapi secara terperinci hendaklah dibentuk di peringkat Jawatankuasa, harus ada draf untuk dibawa untuk resolusi pada minggu hadapan, mana yang kita rasa secara *consensus* mengatakan ya ini masuk ataupun masih lagi perlu dipertimbangkan. Untuk tujuan tersebut memanglah kita perlu merujuk kepada bahagian masing-masing ataupun parti masing-masing, kerajaan dan bukan kerajaan bagi resolusi pandangan bersama dan mudah-mudahan lebih banyak yang kita boleh persetujui daripada apa yang kita tidak boleh persetujui untuk tujuan laporan akhir Jawatankuasa kita.

Lanjutan daripada itu mesyuarat akhir bagi membincangkan laporan akhir penyata adalah pada 22 Mac pada jam satu tengah hari dan dijangka bahawa ini akan berlanjut sehingga malam, sehinggalah *most of final* draf kita boleh peroleh dan dengan itu diberikan satu minggu lagi untuk *reflection* bagi mohon tarikh untuk membentangkannya di Dewan Rakyat dan selewat-lewatnya kita bercadang sebelum 29 Mac iaitu hari Khamis kerana tarikh luput pelantikan Jawatankuasa pada 2 April dan *erti*nya hendaklah ia dibentangkan sebelum itu. Itu sekadar rumusan, nanti kita boleh bincang bersama.

Saya ingin maklumkan juga pada tengah hari tadi selepas mesyuarat Jawatankuasa Kecil Daftar Pemilih, kumpulan yang banyak mengikuti kita iaitu pertubuhan-pertubuhan di bawah kumpulan BERSIH itu telah datang menyampaikan memorandum kepada saya.

Ini sebagai sedikit tambahan mengenai cadangan-cadangan dan kita memang terbuka kepada itu tetapi saya belum ada masa untuk meneliti. Namun saya cadangkan supaya diedarkan kepada semua anggota dan termasuk juga apa-apa cadangan sebelum ini yang telah pun diterima tetapi belum lagi dimasukkan ataupun dibincangkan dan pada minggu hadapan kita boleh meninjaunya apa yang baru di dalam tersebut.

■ 1500

Saya pun belum baca kerana ia dalam bentuk CD. Apa yang disediakan, susah hendak dibaca apa yang baru dan apa yang..., akan tetapi daripada segi perundangan, mereka punya *suggestion*, daripada peguam-pegawai dan kita terbuka meneliti mana yang kita rasa adalah boleh dipertimbangkan bersama.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat, sekadar itu yang saya ingin kemukakan sebagai permulaan, saya cadangkan kita masuk terus pada agenda. Untuk itu, saya hendak buka dahulu sebagai perkara pertama sebelum pada tajuk-tajuk di bawah Perkara II ini. Perkara II ialah sekadar barangkali komen dan *impression* daripada lawatan kerja. Selepas itu nanti, SPR sedikit *update* kalau ada dan barulah tajuk-tajuk yang khusus.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Tuan Pengerusi, sebelum kita bincang lanjut pada tajuk-tajuk ini, saya hendak minta, berharap dapat dipertimbangkan bahawa agenda kita ataupun isu-isu berbangkit itu. Ada lagi satu tajuk yang tidak dimasukkan di sini iaitu tempoh Parlimen dan juga tempoh berkempen itu. Adalah antara salah satu topik yang kita selalu dengar dan dapat *feedback* daripada sesi pendengaran awam tetapi tidak diadakan di sini. Saya harap ini dapat dipertimbangkan sebagai salah satu agenda yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali kita banyak membincangkan perkara itu. So, dalam laporan akhir menyentuh barangkali pandangan Jawatankuasa mengenai perkara ini nanti. Okey, *impression* dan sebelum pada hal-hal spesifik yang seperti mana kita telah senaraikan.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ada dokumen-dokumen untuk Ahli yang belum dapat. Juga bagi kami yang tidak dapat menyertai taklimat di Denmark itu, boleh diedarkan juga transparensi ataupun material yang telah pun dibentangkan. Okey, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ini *reflection on the visit* ya, Tuan Pengerusi? Saya rasa kumpulan yang telah membuat lawatan dapat belajar beberapa perkara daripada beberapa sistem.

Satu, sistem di UK yang menyerupai sistem kita ataupun kita menyerupai sistemnya dan juga sistem di Jerman yang mana terdapat gabungan antara *first-past-the-post* dan juga *proportionate representation*. Di Denmark yang mana sistem yang diamalkan ialah *proportionate representation*. Saya rasa walaupun sistem yang kita lihat di Jerman iaitu di dalam penerangannya boleh menimbulkan pelbagai persoalan dan isu dan kekeliruan. Malah seperti yang disebut oleh Tuan Penggerusi tadi, apabila dipersoalkan memang mereka mengakui ada beberapa perkara yang susah hendak dijelaskan, *overhang seat* dan sebagainya.

Akan tetapi apa yang lebih penting dalam *observation* kita di Jerman khususnya, ialah parti yang berkuasa pada hari ini (CDU), memperoleh lebih kurang 38% atau 39% undi dalam pilihan raya dan kerusi yang mereka pegang di dalam Parlimen pun lebih kurang jumlah *percentage* yang sama. Ertinya, *proportionate* keupayaannya *mobilize* pengundi itu sama dengan kerusi yang dia dapat berbanding dengan sistem *first-past- the-post*, sama ada kita ataupun UK. Kerusi yang diperoleh mana-mana parti boleh jadi terlalu tinggi ataupun terlalu rendah walaupun perkadarannya ataupun undi yang diperoleh adalah tinggi ataupun hampir sama. Ini dapat kita lihat dalam pilihan raya tahun 2004 apabila pihak Barisan Nasional memperoleh 90% kerusi walaupun undinya tidak sampai 60%.

Jadi, apabila kita melihat di sini kalau kita hendak bercakap mengenai *fair election*, maka kita rasa perwakilan kita di tempat undang-undang ini dibuat, *legislature* ini, mestilah mewakili pengundi-pengundi kita. Maka, saya rasa elok dan wajar kalau kita meneliti walaupun agak panjang juga prosesnya kalau kita hendak adaptasi mana-mana perubahan tetapi wajar untuk kita melihat *proportionate representation* ini dengan bentuknya yang mengikut acuan kita mungkin ataupun yang kita lihat di Jerman itu, kombinasi daripada *first-past-the-post* dan juga *proportionate representation* untuk difikirkan bagi Malaysia ini, untuk kita melihat perwakilan kita berkadar dengan sokongan yang kita dapat dalam pilihan raya.

Kalau kita ambil pula apa yang berlaku di United Kingdom, yang lebih menarik ialah kedudukan kerusi-kerusi Parlimennya yang jumlah pengundinya hampir disamaratakan dengan perbezaan *plus-minus 15%*, menjadikan kerusi-kerusi mereka sama besar daripada segi jumlah pengundi. Jadi, ini juga boleh memberikan isyarat bahawa *one person one vote* ini benar-benar dapat diterjemahkan dalam bentuk praktiknya berbanding dengan sistem kita pada hari ini, di sesetengah tempat 100,000 orang memilih seorang wakil, di sesetengah tempat yang lain 22,000 orang memilih seorang wakil. Jadi, mungkin di situ terdapat jurang yang terlalu besar di dalam jumlah undi, maka keseimbangan di dalam Parlimen juga mungkin berbeza.

Satu lagi yang kita *observe* ialah di ketiga-tiga buah negara yang kita lawat, umur pengundi ialah 18 tahun. Di UK, sedang dipertimbangkan untuk diturunkan. UK atau Jerman, ya?

**Seorang Ahli:** UK.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** UK, ya? Sedang dipertimbangkan untuk diturunkan pada umur 16 tahun. Itu satu lagi yang kita harus lihat yang kalau boleh kita ambil pengajaran. Di negara-negara tersebut, pendaftaran pemilih secara automatik itu berjalan begitu lancar dan perubahan-perubahan kerusi ataupun tempat mereka mengundi juga tidaklah *complicated*, kalau mereka berubah dari satu kawasan ke satu kawasan di mana daftar pemilih, daftar itu dijaga oleh pihak berkuasa tempatan. Jadi, mungkin harus kita tidak mengatakan itu yang terbaik tetapi boleh kita meninjau kemungkinan kita melihat dan membandingkan dengan sistem kita. Kalau ada kebaikan di sana, mungkin kita boleh buat kajian semula. Jadi, itu beberapa pandangan awal yang saya boleh buat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *I think as a general observation*, baik sekali. Satu sahaja yang saya terperanjat ialah *rejection* di UK mengenai dengan *proportionate representation*. Mereka bawa dalam pilihan raya yang lalu itu dan *rejected 7/3* mengenai dengan *proportionate*. Akan tetapi nampaknya kalau di Jerman, mereka begitu *comfortable* sekali dengan *combination* dengan kedua-dua ini. Okey, siapa lagi? Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nampak di antara perkara yang kita dapat pelajari ialah sistem persempadanan semula. Saya amat tertarik dengan *boundary commission* yang telah ditubuhkan oleh mereka yang mana tanggungjawab mereka berbeza daripada mengendalikan pilihan raya. Tanggungjawab mereka hanya untuk memastikan bahawa persempadanan semula. Tanggungjawab mereka hanya persempadanan semula. Oleh yang demikian, maka mereka boleh beri sepenuh masa tumpuan terhadap persempadanan semula dan tidak ada tanggungjawab lain. Bukan seperti kita di sini bahawa SPR sendiri melakukan pilihan raya, mereka sendiri menjaga persempadanan semula dan sebagainya.

■ 1510

Saya rasa ini merupakan satu perkara yang menjadi aspek yang *interesting* yang boleh kita dapat mengambil sedikit pengajaran dari sana.

Sistem pilihan raya di UK lebih kurang sama dengan sistem pilihan raya kita yang ada di sini. Satu lagi perkara yang agak ketara saya nampak dalam kedua-dua negara yang saya lawati ialah kepercayaan atau jumlah pengundi-pengundi pos yang begitu ramai. Contoh di Jerman dia ada 20% pengundi pos daripada jumlah 62 *million* umur 18 tahun dan ke atas, 21.4% adalah pengundi-pengundi pos. Ini merupakan satu jumlah yang begitu tinggi. Mereka menggunakan banyak kaedah untuk melayakkan sesiapa yang minat untuk menjadi pengundi pos ini memohon cara yang sewajarnya. Ini merupakan satu lagi aspek kita dapat beri perhatian.

*Political funding* merupakan satu lagi aspek yang mana mungkin kita dapat beri perhatian juga berdasarkan kepada jumlah undi yang diambil oleh parti-parti tersebut dan kita boleh agihkan, mungkin kita dapat satu sistem yang dapat kita mencadangkan kepada kerajaan bagaimana sistem ini sebagai percubaan berdasarkan kepada apa yang kita ada, fakta-fakta atau maklumat yang ada kita boleh menggunakan sistem tersebut.

Ini, satu lagilah Jabatan Statistik di *Germany*, kita pergi ke Frankfurt. Satu jabatan yang mempunyai satu fakta yang begitu cukup untuk mereka menjalankan tanggungjawab mereka. Di sini kita rasa kita kekurangan dalam aspek itu. Saya rasa SPR dari aspek ini kita tidak boleh menyalahkan mereka kerana mereka melakukan, mereka mengambil tanggungjawab pelbagai bidang. Bukan sahaja menjalankan pilihan raya, kita nampak mereka dilonggokkan pelbagai tanggungjawab untuk mereka menjalankan pilihan raya.

Mungkin kita dapat mengagihkan beberapa lagi jabatan-jabatan ataupun mewujudkan jabatan-jabatan khas untuk mengawal selia ataupun menjaga aspek-aspek bersangkut paut dengan pilihan raya ini. Buat masa ini, ini sahaja yang saya ingin berkongsi bersama. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Siapa lagi..., Yang Berhormat Kangar? *Veteran politician.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat, Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Hulu Selangor. Kalau kita lihat selepas lawatan kita ke tiga buah negara, dengan penggunaan sistem yang berbeza daripada sebuah negara ke sebuah negara mengikut acuan mereka masing-masing di mana kita pula menggunakan acuan kita. Saya dapati bahawa *we are not that bad*. Kita okey. Hanya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor tadi tentang persempadan semula itu. Saya cukup tertariklah juga dengan satu jabatan khas menjaga tentang persempadan semula. Jangan bagi kepada SPR. Biar orang lain buat. Bebas, *independent*.

*Political funding very attractive. Very attractive.* Akan tetapi kepada saya *there is no by-election* itu yang satu yang saya fikir cukup menarik. Semua negara. Semua negara *no by-election*. Jadi saya fikir itu satu perkara yang kita harus fikir. Mungkin ini mungkin melibatkan pindaan perlembagaan tetapi *something that we should think about it*lah. *No by-election*. Kita hendak *simplify*kan kita punya sistem untuk hendak menambahbaikkan sistem kita dan kita bersetuju bahawa *no objection* hari penamaan calon. *No withdraw*. Kalau *withdraw* pun habis dia punya wang pertaruhan. Jadi kita hendak *simplify*kan. Jadi kalau kita tidak ada *by-election* lagi senang.

Semenjak tahun 2008 we had sixteen, 16 kali *by-election*. Wah, teruk. *We did, we tried to simplify*. Dulu punya *by-election* bila-bila masa ataupun lepas itu kita pinda mengatakan *to the end, towards the end*, dua tahun terakhir tidak ada *by-election*. Jadi itu orang kata menyenangkan.

Walau bagaimanapun kita hendak kita melalui 16 kali. Jadi saya fikir elok kita memikir tentang *by-election* ini. Pendaftaran pengundi itu. Saya tertarik dengan di Denmark. Dia daftar secara automatik. Selepas itu 10 harikah, seminggu sebelum pilihan raya dia akan terima kad, *voters slip*, *voters card*, dia panggil. Dia dapat kad itu dia pergi kepada pusat mengundi, serahkan kad, dia mengundi. Orang *Danes* ini dia tidak ada dia punya *identification card* macam kita ada MyKad. Walaupun kita tanya soalan adakah kemungkinan berlaku orang lain terima kad, orang lain pergi mengundi sebab *they were surprise that* kita tanya soalan begitu. Dia kata tidak mungkin berlaku. Walau bagaimanapun dia mengakui bahawa kemungkinan boleh berlaku.

Jadi kalau kita tengok dalam ketiga-tiga negara yang kita lawati sistem yang berbeza. *England* dia berbeza, *first past the post*. Lain tidak mahu. *Germany* dia campur-campur dan *Denmark* lain. Akan tetapi orang kata *the level of trust* itu yang mustahak sekalilah di semua semula negara itu *the level of trust* itu cukup tinggilah. Kepercayaan mereka kepada sistem itu cukup tinggi. Jadi kita di sini saya ingat *by* apa sistem pun kalau kita buat, kalau tidak ada kepercayaan pada sistem itu dia tidak akan jadi. *So we have to go back to* orang kata *to the question of trust*lah. Saya fikir perkara ini cukup mustahak.

Kita minta, saya setujulah kita kurangkan beban kepada SPR. Sekarang SPR ini jalankan semua tugas sampai hendak pergi ke mahkamah pun SPR bawa juga pergi ke mahkamah. Selepas itu hendak bela pula, SPR pula hendak bela. berbagai-bagailah *starting* daripada *registration*, pameran, *and then objection*, perbicaraan tentang *objection*. Selepas itu pilihan raya, macam-macam. Kita fikir harus, saya bersetujulah, kalau kita bersetuju kita kurangkan beban SPR tetapi *what is important is to stress the level of trust*lah. Itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** ...*Impression* belum masuk dalam senarai, akan tetapi kita boleh tambahkan itu. *I think the issue of* dalam konteks institusi seperti mana saya katakan tadi, SPR buat 'A' to 'Z' literally. *So nothing, in the England* sesi pendaftaran *by local authorities, boundary, internally boundary commission, and Election Commission* yang menjalankan pilihan raya. *So, let's think about that* apa yang kita boleh fikirkan.

Yang Berhormat Gombak ada apa-apa yang hendak dikongsi..., *anything from there?* Pasti pun banyak tetapi buat ceramah sahaja itu. Malam *disappear* sahaja. Tidak makan sama kami, makanan. Tidak jugalah ada makanan itu... [Ketawa]

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Frankfurt* pun itu...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Mengambil kesempatan sedikitlah. Saya hendak berkongsi sedikit dengan pengalaman lawatan kerja Jawatankuasa ke beberapa buah negara baru-baru ini.

Saya kira yang pertama yang boleh saya kongsi pada petang ini adalah seperti yang dinyatakan oleh sahabat saya daripada Kangar tadi apa yang berlaku di negara-negara maju kita setuju bahawa sistem yang diamalkan itu berbeza di satu negara ke satu negara yang lain. Akan tetapi setiap negara yang kita lawati itu tidak lari daripada prinsip asas pengendalian pilihan raya iaitu dilakukan secara telus, adil dan terbuka serta bebas.

Mungkin sistemnya berbeza tetapi prinsip asas pilihan raya itu tidak lari daripada negara-negara yang berkenaan. Oleh sebab itu di Denmark ketika dia memulakan taklimat kepada jawatankuasa apa yang dinyatakan adalah *the level of trust among the Danes* itu, rakyat dia itu *almost 100%*. Dalam pilihan raya yang lalu walaupun parti yang memerintah kalah baru *less than a year ago*.

#### ■ 1520

Bantahan hampir tidak ada. Maknanya kepercayaan rakyat Denmark kepada sistem yang dikendalikan itu cukup tinggi. Jadi, maknanya asas itu kena kita bina, sebab itu saya kira sementara kita tidak membebarkan SPR, namun tindakan kita, gelagat kita, kenyataan kita itu sedang diperhatikan oleh rakyat untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada institusi yang mengendalikan pilihan raya secara bebas dan adil. Itu bagi saya, satu *pillars* yang cukup penting dalam pengendalian pilihan raya.

Keduanya, saya juga melihat ketiga-tiga negara itu, peranan badan yang mengendalikan pilihan raya itu ialah untuk *facilitate the voters*. Dia tidak menyulitkan. Malahan mereka sebagai pengendali pilihan raya ini dia hendak mempermudah setiap rakyat yang ada hak untuk mengundi bagi mengendalikan hak mereka. Sebagai contoh, di beberapa buah negara yang kita pergi itu. Kalau *advance voting*, mereka buka juga kepada orang yang sakit, yang lumpuh, yang boleh *produce medical certificate* maka dia tidak payah pergi *polling station*, dia akan dibekalkan kertas undi dan dia boleh membuang undi. Malahan kalau tarikh pilihan raya telah ditetapkan oleh Perdana Menteri tetapi rakyat ketika itu ada yang telah mengambil cuti keluar negara, yang telah membeli tiket dan membuat tempahan, mereka boleh maklumkan kepada badan yang berkenaan bahawa akan pergi bercuti, tidak boleh mengundi, mereka juga dibekalkan dengan kertas undi lebih kurang 10 hari sebelum tarikh pilihan raya supaya mereka boleh membuang undi.

Begitu juga dengan *automatic registration*, cukup sahaja 18 tahun, secara automatik nama mereka dihantar kepada badan yang mengendalikan pilihan raya. Jadi, tidak perlulah parti-parti politik, badan-badan ini untuk pergi ketuk rumah orang untuk mengundi. Soal dia hendak mengundi atau tidak, itu hak masing-masing tetapi secara automatik namanya telah masuk dalam *electoral roll* dan kemudiannya sebahagian besar daripada mereka dikendalikan oleh *local council* yang juga mungkin kita boleh teliti sama ada sesuai dilaksanakan.

Ini kerana *local council* itu lebih kenal siapa yang duduk di dalam kawasan pentadbirannya sebab dia bayar cukai pintu, dia bayar cukai-cukai tertentu dan dia tahu siapa yang telah *move in* dan juga *move out*. Jadi, tidak timbul lagi *phantom voters* yang dipindahkan tanpa *consent* pemilih yang berkenaan. Jadi, perkara ini juga boleh kita teliti.

Ketiga, saya kira media di sana agak bebas malahan kita-kita taklimat di *Germany*, satu unit penerangan dalam jabatan cnselor itu sendiri menyatakan beberapa bulan sebelum pilihan raya itu mereka cukup berhati-hati. Mereka tidak boleh dilihat mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang dilihat berpihak kepada kerajaan sedangkan itu adalah unit penerangan daripada Jabatan Cnselor itu sendiri. Unit itu sendiri pun bimbang mereka boleh didakwa sekiranya dilihat menonjolkan projek-projek yang telah diluluskan ataupun akan diluluskan oleh kerajaan kerana mereka mesti dilihat sebagai satu badan bebas untuk diteliti oleh rakyat.

Kemudian saya setuju seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kangar dan Yang Berhormat Hulu Selangor apa yang berlaku di United Kingdom ada satu badan bebas untuk mengendalikan *boundary* ataupun disebut *boundary commission* yang *independent of election commission* supaya mereka boleh teliti mengikut kadar penduduk ataupun *mobility of the local people* ataupun status *social economy* dan keluasan kawasan dan mereka yang akan meneliti perkara ini sebagai jadual harian mereka untuk *election commission* mengendalikan pilihan raya.

Kemudian, *political funding* juga saya kira perkara baru bagi kita. Kadang-kadang bagi kita yang hendak terima cadangan-cadangan baru ini kita rasa sukar tetapi kita kena ingat ini adalah untuk jangka panjang, generasi yang akan datang mereka lebih terbuka dan lebih proaktif dalam menerima perubahan-perubahan ini. Selain daripada *political funding*, di *Germany* juga mereka mengamalkan yang telah saya sebutkan dalam mesyuarat yang lepas tentang *political foundation* yang juga yayasan politik yang kita pergi seperti *Konrad Adenauer Foundation* yang memberikan sokongan dari segi *research*, dari segi kajian untuk CDU di sana.

Akhirnya Tuan Pengurus, yang juga saya fikir kita kena teliti tentang *advance voting* yang baru yang kita hendak cadangkan tetapi skopnya terlalu *limited*. Kita baru hendak cadangkan kepada tentera dan polis sedangkan di sana kita tengok tentera dan polis itu masih lagi merupakan undi awam kecuali mereka terpaksa bertugas maka mereka mestilah memohon untuk menggunakan skim ataupun undi *advance voting* ini. *Otherwise*, mereka kena undi seperti biasa. Akan tetapi di sana *advance voting* juga dibuka untuk rakyat mereka yang terpaksa melancong ataupun yang sakit, yang ada masalah-masalah yang lain yang tidak boleh hadir pada hari yang berkenaan. Jadi, sekali lagi saya kira SPR mempunyai tanggungjawab untuk mempermudahkan rakyat keluar mengundi supaya ia dapat meningkatkan keyakinan kepada badan yang mengendalikan pilihan raya. Terima kasih Tuan Pengurus.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih untuk input rumusan itu untuk tujuan rekod. Yang Berhormat Rasah, ada apa-apa hendak tambah. Dia sahaja antara yang sampai akhir – awal sampai akhir.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak tambah sedikit sahaja. Cuma sedikit, satu poin sahaja saya hendak tambah. Saya setuju dengan pandangan Hulu Selangor dan Kangar tadi yang salah satu perkara yang kita paling menarik perhatian kita ialah *boundary commission* selain daripada lawatan ke German dan Denmark.

Bagi pandangan saya, saya amat setuju kalau kita boleh pecahkan tanggungjawab ini di antara Suruhanjaya Pilihan Raya dan mungkin satu suruhanjaya bebas untuk mengendalikan persempadanan semula seperti yang berlaku di *UK Boundary Commission*. Saya setuju kalau institusi baru ini dapat ditubuhkan di negara kita. Cuma bagi saya yang lebih penting bukan sahaja institusi itu ditubuhkan selain daripada SPR, tetapi apa yang lebih penting ialah prinsip-prinsip persempadanan itu perlu di *institutionalize* kan, perlu ada undang-undang untuk meng*institutionalize*kan prinsip-prinsip itu seperti yang berlaku di UK. Dia tidak boleh ada lebih 5% ataupun kurang 5%. Itu yang penting bagi saya. Kalau kita ada institusi tetapi kalau modus operandi persempadanan tidak diberikan definisi yang jelas, saya rasa ia tidak akan dapat mencapai matlamat persempadanan yang adil.

Saya harap kalau Jawatankuasa penuh ini dapat mengkaji dan boleh menimbalangkan supaya kita dalam laporan akhir boleh mencadangkan kalau institusi baru ini dapat ditubuhkan bersama-sama dengan prinsip-prinsipnya itu perlu diperjelaskan supaya dapat di *adopt* untuk jangka masa panjang.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Memang berbeza. Banyak ada yang penekanan *basic impression* itu begitu luas. Dari saya, satu – *the amount of trust given to the electoral process* kalau di sana, walaupun mereka kata di Birmingham itu pun kerana ada juga *new – I'm sorry to say lah – new Asian population coming in all kind of tricks*. Akan tetapi *generally I'm very high regard for electoral process* dan oleh kerana juga *the lowest implemented strictly, so* kalau ada penipuan, *they said you'd be jailed, you'd be jailed, you know, that kind of thing. So, that help to* untuk memperkuuhkan keyakinan kepada sistem. Saya rasa itu satu di mana-mana kita. Kedua, *because they trust the system* maka proses untuk pembuangan undi itu *to them they are not very serious about it. You can proxy you punya voting, you can undi pos is normal life for them, okay.* Akan tetapi kalau di sini undi pos, kita ragu *is very high*. Itu kedua.

Ketiga, kerana di sana di *Germany*, setiap parti politik yang menang *at least* satu kerusi, dia dapat peruntukan daripada *public finance* untuk promosi demokrasi, promosi ketulusan.

**■ 1530**

Saya rasa itu satu kematangan yang jauh, yang *maybe long term*, kita pun harus mulai fikir. *Everybody who is involved in the parties of real, clean and transparent politics. That's why they get money from the Foreign Affairs* untuk tujuan *foundation* masing-masing. *When they comes to that level, then I think that the maturity very high. Politics is not just pertempuran kuasa tetapi perjalanan demokrasi dan ketelusan. I thing a long way to go.*

Akan tetapi kalau Jawatankuasa macam ini, Parlimen, *the younger people* nanti *think this way. I think stability and political power* punya *competition will be less*. Mengenai dengan *different functions* itu, *the Electoral Commissions* di situ, *I think this is something that* kita harus tinjau. *Maybe* kalau tidak pun, *the separation of the powers, you must brief SPR the tiga function of the registration, delineation, the conduct of election* ini *very clear*.

Kalau boleh, satu *commission* besar akan tetapi *independent*. *Not the same people doing here, doing there*. *Maybe* sebagai permulaan *that is* satu cara, *that means you would have a very open, more transparent*. *We are transparent* akan tetapi *we could upgrade the Lembaga part and run* tiga badan yang berasingan di bawah naungannya kalau kita tidak hendak itu. *These are ideas* yang kita boleh fikirkan untuk jangka panjang. Kalau tidak boleh untuk resolusi *consensus* untuk jangka masa panjang di mana barangkali Ahli Parlimen yang baru ataupun yang muda-muda semua ini boleh fikir untuk jangka panjang.

Okey, untuk rekod setakat ini. Ya, sila.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Saya hendak komen sedikit. Walaupun ketiga-tiga negara yang kita melawat, umur pengundi adalah 18 tahun. Saya masih lagi tertarik dengan cadangan daripada MIC. Saya ingat, kalau tidak silap saya yang mencadangkan bahawa kita buka pendaftaran ketika rakyat Malaysia berumur 20 tahun. *Then, when they are 21 years, automatically they are registered as a voter*. Jadi, saya cukup tertarik itu. *I feel that is something that* kita di Malaysia ini, ialah kalau kita hendak guna sistem kita, *I think that is something that you should think about very seriously*.

**Tuan Pengerusi:** Untuk makluman Yang Berhormat Kangar, mesyuarat kami pagi tadi di Jawatankuasa Kecil, kami hendak masukkan itu sebagai cadangan di peringkat Jawatankuasa Induk. Mendaftar pada umur 20 tahun dan *effective when you turn 21 years*. Dia akan begitu. *So, what are the procedures have to be, sort it out. At least, dia tambah tunggu enam bulan, muhu kasi pamer lagi dia punya nama itu.*

Okey, saya rasa untuk rekod, mengatakan terima kasih kepada pihak Parlimen, Yang Berbahagia Datuk Roosme dan kumpulan yang mengatur *the details* dan banyak kerja yang dilakukan.

Begitu juga kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) kita yang telah membantu, kita kena host dinner di sini sana. *The embassies, foreign embassies, word of the thanks should be given to them, totally in our record.* Nanti, *final report* tetapi *we should send a letter to thanked the embassies. They have been very generous to us and very keen to help us move forwardlah*, menambah baik apa yang ada pada kita.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Yes, di Denmark. Okey, terima kasih kepada semuanya itu untuk rekod. Right, agenda ketiga. *I go straight to more specific things.* Ini sekadar untuk memperingatkan dan *for the committee* kecil untuk merumuskan dan sebahagian kita telah pun komenkan tadi. So, *for initial take sebab by next we are suppose to be able to*, dengan izin, kita harus boleh mengatakan terima atau tidak terima, jangka panjang atau jangka pendek.

Saya mencadangkan dari awal ini Yang Berhormat, bahawa memanglah *concensus is important*lah. So, kalau kita boleh identifikasi pun nanti *by minggu depan mana yang QC one week* untuk *consultation with our respective parties*lah. Mana yang kita boleh *agree, then we should agree*. Satu, *agree for short term, meaning for immediate* ataupun seberapa boleh *implementation*. *Maybe no ideas will be rejected* kecuali gila-gila betullah.

*But, can be recommended for long term study by the Parliament and so forth.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, Seputeh begitulah... [Ketawa] Okey. Itu pun ada asas juga. Dia kata, *why should they get involve in the politic so young. Finish their degree, work dahulu, baru melibatkan diri. So, he has his point jugakan?* Ya, yang 25 hari bulan di Johor itu.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Ya, jangan kahwin dahulu. Itu tidak mahu itu. Kalau itu dibangkitkan. So, ask the Jawatankuasa, bawa nanti *the details* ataupun apa sahaja dan seterusnya. So, okey ini (a) ini di bawah kelayakan, di bawah daftar pemilih, di bawah kami tetapi ada kaitan juga dengan yang lain. So, both sides, setakat ini perlu satu 18 years dan satu 21 tahun. Saya melihat bahawa sebelah kiri sini minat kepada 18 tahun dan sebelah kami, kami terbuka akan tetapi setakat ini mengekalkan 21 tahun itu dengan awal pendaftaran 20 tahun dan seterusnya.

Akan tetapi jangka panjang *I think we should fikir juga, eventually. Especially when* sistem pendaftaran itu lebih *clean* dan seterusnya. So, begitu pendekatan pada saat ini, *we don't want to make any decision today*. Minta Jawatankuasa Kecil itu untuk membuat rumusan dan bawa untuk *put together, we should have by next Wednesday kan? Then we will decide, agree or not agree* dan itu semualah.

Akan tetapi ulasan-ulasan, *we should begin to reflect* ahli Jawatankuasa Kecil. Ya, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali:** Baru-baru ini di United Kingdom, mereka sedang membahaskan cadangan untuk turun ke 16 tahun. Masih dalam perbahasan.

**Tuan Pengerusi:** Peringatan kita. Minta Jawatankuasa dan Jawatankuasa Kecil, kita bawa *argument-argument*. Selepas itu mulai minggu depan, *we still have three weeks to resolve*. Daftar pemilih, itu di bawah kami. Kami bahagikan ini kepada tiga bahagian iaitu:

- (i) pendaftaran;
- (ii) penyemakan; dan
- (iii) pembersihan.

*So, steps-steps* yang perlu dilaksanakan, *procedure* dan apa-apa perubahan yang perlu dilaksanakan. Misalnya, ada perundangan *because misalnya, procedure* untuk *expunge not very clear*. Bila kita tanya yang 42,000 dan ataupun sebelum itu, yang kita buka *under which provision of the law, not clear*. So, bagus mahu beri *clear* betul-betul supaya *procedure* itu jelas dan *transparent*. Tidak ada lagi kemosyikilan, bolehkah atau tidak boleh dan *these kind of things*.

Kami ada *quite detail* termasuk cadangan untuk misalnya berbincang pagi tadi ialah *the objection on senarai (a) for instance, for the purpose of* pada masa pameran. Memang ada alasan dahulu, apabila yang di pamer itu 800 lebih, tidak dapat undi kerana tidak dapat didaftarkan dan *hard to use the daftar* yang diwartakan sebelum itu. Akan tetapi kami ingin membawa cadangan-cadangan yang lebih terperinci. Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya, Tuan Pengerusi. Saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan tentang prosedur dan proses kita membuat keputusan. Pertamanya, saya melihat ada kemungkinan ada banyak cadangan kita yang mungkin ada yang boleh *diimplement* terus jangka masa pendek. Ada yang mungkin untuk memerlukan jangka masa panjang, mungkin dalam beberapa tahun.

#### ■ 1540

Pertamanya, saya harap dalam laporan kita itu ia dapat lebih spesifik dari segi jangka masa. Katakan kalau jangka masa panjang, berapa lama? Satu tahun, dua tahun atau pun tiga tahun? Ini saya rasa perlu supaya kita nampak ini bukan buat sesuatu rumusan yang secara am sahaja. Ini kerana kalau kita tidak boleh beri alasan kita beri balik kepada Parlimen untuk dikaji sebab *the whole idea of this PSC being established* ialah untuk kaji. Kalau kita tidak kaji dengan mendalam *I think we are failing the people, that's number one*.

Keduanya, berkenaan dengan keputusan ataupun *decision* kita. Mungkin kita ada pandangan yang berbeza. Apabila kita sampai ke jawatankuasa induk ini, saya hendak dapatkan penjelasan sama ada sesuatu keputusan itu kita perlu mengundi atau bagaimana untuk kita *reach* satu keputusan kalau kita tidak setuju ataupun kita tidak dapat 100% setuju dalam satu-satu perkara. Sama ada itu perlu dibuat pengundian. Itu yang pertama.

Keduanya, kalau katakanlah ada perkara-perkara yang kita tidak dapat bersetuju, sama ada terdapat ruang atau tidak dalam laporan akhir kita nanti, ada satu *minority report* seperti yang dicadangkan dalam satu *public hearing*. Saya tidak pasti Jawatankuasa Parlimen lain bagaimana mereka membuat pendekatan ini tetapi *at least the minority view can be inserted into the final report*. Apa pandangan Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Kalau ikut amalan sebelum ini memanglah *report* induk itu adalah apa yang dipersetujui bersama ataupun dipersetujui secara majoriti dan kalau kita sentuhkan laporan interim kita itu, *so far* tidak ada belah bahagian kerana kita semua setuju *consensus wise*. Bila sampai kali kedua ini *we hope that there will be clear point* yang masih boleh konsensus dan mana pandangan kita yang berbeza di mana barangkali belah bahagian ataupun undian itu perlu dijalankan.

*My own view is* di mana yang *straight* boleh setuju *may be that is for short term* dan mana yang tidak boleh setuju cuba lihat *if this is good for long term you know and then may be* dia masuk di dalam kategori tersebut. Di mana *views really differ* atau berbeza besar dan kita muahu masukkan itu juga sebagai cadangan, *then we have to* perakui lah. Dahulu ada yang mengatakan minta minit bahawa dia bukan sahaja kalau ia berbeza pandangan dan supaya dia tidak bersetuju kepada itu – kumpulan itu tidak bersetuju dengan cadangan yang diadakan. *So, yours* pada masa itu? Tidak ada yang belah bahagian?... [Merujuk kepada Yang Berhormat Kangar]

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi memang ada juga perbezaan pendapat walaupun *draft floor to go in* bukan..., so you went for *consensus*?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *Yang Berhormat Kangar was like a lecturer teaching all the members, Fong Kok Kuan, all those – teaching the law.*

**Tuan Pengerusi:** *The guide is still I think good in his report on consensus* di mana tidak boleh dan idea diturunkan *for next or for long term meeting*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, kalau saya boleh beri pandangan sedikit.

Apa yang disebut oleh Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Kangar tadi mungkin amalan yang kita guna pakai sebelum ini. Akan tetapi kita sekarang di dalam Jawatankuasa yang membicarakan soal *reform*. Jadi saya tidak nampak ada masalah kalau kita mengambil satu pendekatan baru untuk mengemukakan satu laporan yang lebih komprehensif yang melibatkan semua pandangan. Ini sebab saya kira dalam pendengaran awam dan juga dalam Jawatankuasa seperti ini banyak pandangan baru yang *refreshing* punya *views, ideas* yang dikemukakan dan saya kira semuanya mempunyai matlamat yang baik untuk menambah baik proses pilihan raya.

Akan tetapi saya tidak mahu sembilan Jawatankuasa ini yang menentukan apakah bentuk sistem yang akan dilaksanakan sedangkan pandangan di luar sana banyak dan berbeza-beza. Jadi saya kira kalau pun kita ada konsensus – baik, tetapi kalau kita tidak boleh *reach* satu konsensus yang *clear cut*, ada baiknya kalau kita masukkan juga pandangan-pandangan minoriti ini supaya rakyat merasakan pandangan mereka diberikan perhatian. Mungkin tidak dapat konsensus di sini tetapi di dalam perbahasan di dalam Dewan Rakyat mungkin Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh meneliti juga pandangan-pandangan minoriti dan dijadikan asas dalam perbahasan.

Akhirnya Dewan Rakyat yang akan memutuskan sistem mana yang hendak kita bawa. Jadi saya kira kurang adil kalau kita padamkan di sini dalam bentuk laporan terakhir dan tidak dapat diteliti oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk tujuan perbahasan kerana saya ingat pandangan-pandangan itu semuanya ke arah untuk menambah baik proses pilihan raya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa itu pandangan yang saya rasa pihak kerajaan pun menuju kepada itu hanya barangkali format dan *details*. So kalau kita gunakan yang konsensus dahulu bahagian kedua pandangan-pandangan yang alternatif kepada itu, saya rasa itu *style of reporting* sahaja. Akan tetapi adalah pandangan pihak kerajaan juga bahawa mana-mana idea yang bagus, yang dibangkitkan itu tetapi kita tidak dapat setuju untuk laksanakan sekarang atau kemudian. Saya rasa ini di rekod *for minority views*. Pada masa dahulu pun kita buat begitu. Harus tidak ada masalah. Kita berterima kasih banyak kepada yang *consensus base* daripada terlalu banyak *minority view* dibawa.

Cadangan-cadangan yang untuk perhatian Parlimen akan datang tetapi mereka kata nanti itu mengelakkan tanggungjawab kita. *But I have read some commission report. There is always – it is not for further study but time* enam bulan *how to decide on these matters but we can list those things for further areas... [Disampuk] [Ketawa]* Yes Yang Berhormat Kuala Krai, you want to say something.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya merasa bahawa kita tidak ada satu *style of reporting* daripada Jawatankuasa ini di Parlimen, atas kitalah sebenarnya.

Oleh kerana *reform* ini banyak, ideanya cukup banyak dan kalau kita berhujah bahawa semuanya ada direkodkan di dalam *Hansard*, di dalam CD tetapi tidak sama dengan *the final report* yang kita hendak bentangkan di Parlimen. Jadi kalau kita hendak seksyenkan tidak mengapa tetapi kita mohon supaya diletakkan semua pandangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya memang kalau dilihat ratusan idea itu terpaksa - itulah kita pilih kepala-kepala yang di bawah nama penambahbaikan. *So we have chosen the five fields* bukan? Penambahbaikan dari segi perundangan, elektoral proses, institusi, daftar pemilih, alternatif sistem. *So that should be the way we thought to categorize* tetapi ada juga yang tidak masuk di situ, cadangan-cadangan lain. *So anyway we take position* yang selalu timbul ini di mana Jawatankuasa Kecil diminta untuk meneliti semua ini. Persempadanan...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan supaya (c) – Persempadanan dibincangkan di bawah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn dan saya tidak nampak kita ada masalah ini sebab wakil di sebelah sana pun nampaknya cukup berminat bukan sekadar *the organization* tetapi ketelusan dan juga *trust*, keyakinan kita. Macam mana pun kita kena fikirkan bagaimana kalau ada *commission* nanti walaupun akhirnya seperti di negara yang kita tengok, mereka dilihat bebas walaupun Menteri yang *propose the name of Chairman*. Akan tetapi akhirnya dia bertindak secara bebas. Jadi kita hendakkan sampai ke peringkat itu walaupun kaedahnya mesti melalui pelantikan seorang menteri kabinet, tetapi akhirnya ia bebas. Ini saya rasa kita kena bincang dan saya tidak nampak ini boleh pertikailah. Ini kita nampak.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Saya setuju tetapi kita kena gunakan kita punya acuan sendiri seperti mana yang telah berlaku di Denmark. Kita ingat di *Denmark they have got special concession for two islands* – Faroe Island dan satu lagi *island*. *Those two islands* tidak boleh *touch*. Dia mesti ada dua kerusi, *something like that*. Jadi kita pun kena – tetapi tidak bolehlah kata macam satu kawasan yang begitu besar seperti Putrajaya, yang *you all* pun hendak pergi ke sana bukan?

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi lapan ribu sahaja... *[Disampuk]* Hendak pergi ke Tampin.

■ 1550

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya lah, Putrajaya itu separuh kerajaan... *[Ketawa]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, *for this point*, persempadanan semula. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Krai dan juga Yang Berhormat Kangar.

Memang perlu ada pengecualian, ada *special cases* yang kita perlu ambil kira tetapi pentingnya ialah dalam laporan kita nanti itu, prinsip itu mesti kita perincikan. Apa prinsip dia, sama ada dia *percentage*, *rural weightage* kah, *rural urban weightage*. ataupun *weightage* di antara negeri ataupun *weightage* di antara Semenanjung dan Sabah, Sarawak. Itu perlu kita *drop*, *it must be*.

**Tuan Pengerusi:** *I think boleh.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Itu acuan kita.

**Tuan Loke Siew Fook:** Acuan kita. Memang ada pengecualian. Saya tak akan pertikaikan macam kalau kawasan Kapit, dia 25,000 satu kawasan. Takkannya dia bandingkan dengan kita tapi *at least* ada satu standard yang kita perlu *apply* kepada seluruh negara. Mungkin ada perbezaan dari segi *weightage* di antara Semenanjung dan Sabah, Sarawak. Itu mungkin salah satu cara tapi *at least* mesti ada prinsip itu dan diperincikan.

**Tuan Pengerusi:** Itulah. So sila bermesyuarat secepat mungkin. *Of course* untuk membuat apa-apa cadangan untuk penambahbaikan perlu melihat kaedah yang kita gunakan sekarang ini dan bagaimana untuk menambah baik itu. Kaedah yang ada digunakan sekarang itu penambahbaikan.

Ini ada (D) di bawah kami punya sama Yang Berhormat Rasah, pendaftaran automatik ini setakat reaksi pada saat ini itulah, di UK pun tak setuju banyak *section* itu. Selagi daftar pemilih, kalau di sini pun nampaknya dengar Sabah, Sarawak punya pandangan ini kalau belum mereka yakin kepada daftar pemilih, dia lebih takut lagi kalau ada automatik pendaftaran. *I think 80% myself* saya yakin ianya boleh digunakan tetapi barangkali memerlukan keyakinan daripada pihak awam. *Anyway, we are discussing this, okay.*

*Political funding* ini di bawah proses mana? *Of course two of you*, proses *political funding*...  
[Disampuk] [Ketawa] So if you say it's such a score masing-masing atau apa yang dikawal ataupun susah juga. So ini on the issue.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Yearly punya, tiap-tiap tahun ini bagi. Bukan hendak menghadapi pilihan raya sahaja, tiap-tiap tahun ini kan?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Bukan macam BR1M. Dia ada tiap-tiap tahun.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tiap-tiap tahun dia ada.

**Tuan Pengerusi:** Itu bantuan orang kurang pendapatan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Dia kena bubuh nama pula ini.

**Tuan Pengerusi:** So kita kena lihatlah satu *explanation by political parties, the funding of election, the funding of political activities* memang Jerman itu kan canggihlah *I think because they are so liberal about it* kan.

Dia menang satu kerusi, *entitle for government funding and base on that participate in proclamation and penyebaran of democracy principal. You do running courses for everybody, for your supporters also orang lain. So memang satu yang ideal tapi saya rasa kita belumlah tahap ke situ dulu.*

Okey, alternatif ini satu yang belum banyak *meeting* ini, *alternative system*.

**Datuk Roosme bin Hamzah:** Tak, ini kedudukan SPR ini.

**Tuan Pengerusi:** Sorry, sorry. Ya tapi dia kata sudah *advance*. You know, for SPR, SPR.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Memang kita sudah bincang. Ini yang khusus ini, ada apa-apa lagi ke nak?

**Tuan Pengerusi:** Tidak, tidak. Cukuplah itu. Pelan alternatif bagi kedudukan SPR dia sama dengan ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Saya rasalah kita *combinekan* dengan cadangan di (C) kemudian kita bincang tentang pendaftaran. Banding-bandingkan sistem pendaftaran.

**Tuan Pengerusi:** Ha itu kita balik kepada induk nanti.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Jadi itu boleh dikemukakan oleh jawatankuasa Tuan Pengerusi itu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, mengatakan pelantikannya, kedudukannya di mana.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Pelantikan itu kita dah bincang dah.

**Tuan Pengerusi:** Kedudukan dia di mana, di bawah Parlimen kah. Banyak cadangan sudah dibuat di Parlimen kan?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Itu sudah ada, sudah ada.

**Tuan Pengerusi:** Tapi see di London, UK luar Parlimen tapi ada menteri juga *over seeing purely for the legislative part of it. You remember yang boundary commission itu yes, independent but the end of the day there is pembentangan di Parlimen and they only kacau or refer to him kalau it is a element of law. Conduct business of thing entirely done by boundary commission. So, media access?*

**Tuan Loke Siew Fook:** Sebelum itu *Chairman, sorry*. Berkenaan dengan (F) tadi, pelan alternatif bagi kedudukan SPR. Cuma saya nak bangkitkan di sini ialah dalam memorandum yang dibentangkan tengah hari tadi, salah satu cadangan dia ialah berkenaan dengan *framework* juga dan juga struktur SPR. Antaranya ialah pelantikan *returning officer* di semua kawasan Parlimen. Yang ada dicadangkan ialah mengambil daripada pihak yang bebas bukannya pihak daripada pegawai kerajaan ataupun daripada pihak SPR sendiri tetapi pihak yang bebas, daripada masyarakat sivil. *So that is their recommendation on this part as well.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, barangkali pihak yang bertanggungjawab ini, Yang Berhormat Gombak sama Yang Berhormat Hulu Selangor, *you guys have to push ya*. Luar negara sudah disebut, *access sama media also under you guys. Yes, electoral process.*

**Datuk Roosme bin Hamzah:** Media access under siapa?

**Tuan Pengerusi:** *I think* di bawah *electoral process*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Tuan Pengerusi, dalam salah satu mesyuarat saya telah mencadangkan agar satu mesyuarat diadakan bersama Kementerian Penerangan. *So rasa kita perlu adakan satu mesyuarat khas dengan Kementerian Penerangan untuk mendapat input ataupun cadangan kita disertakan.*

**Tuan Pengerusi:** Jadi *you call them this week*, sila panggil mereka. Misalnya kami bahagian daftar pemilih ini, kami panggil MP-MP dari Sarawak ini mengenai dengan soal alamat ini. Mana alamat mahu pakai, alamat kampung asalkah atau alamat yang terkini seperti diwajibkan peraturan sekarang ini sebab di Sarawak dan Sabah ini kalau pakai alamat terkini semua bandar sebab orang-orang muda kerja di bandar. Akhirnya tak ada orang lagi pasal yang tua-tua dah meninggal pun, *so tak ada lagi kawasan di bukit kalau begitu. So dia orang nak satu perhatian untuk peninjauan so kami sedang bincang-bincang perkara ini*. Hal itu ada kelonggaran ataupun bagaimana *you know* tapi alamat terkini bagi pengundi baru *would likely to be 80% of the time*. Di daerah, di pekan, di kota *the place where they are working*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Datuk Seri, cadangan itu dia tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sebab dalam undang-undang kita, kalau kita pindah dalam masa tiga bulan, kita kena daftar semula. Jadi kalau cadangan jawatankuasa untuk melonggarkan itu, kita bimbang cadangan itu bercanggah dengan Perlembagaan dan undang-undang dan tidak elok.

**Tuan Pengerusi:** Akta Pendaftaran.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Melainkan dengan kita pinda Perlembagaan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Akta Pendaftaran tapi nanti kami bawa kepada jawatankuasa induk. Kita akan putuskan bagaimana nak selesai ini *concern by rural constituency* lah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, mengenai yang balik ke ...

**Tuan Pengerusi:** *So Kementerian Penerangan, buat mesyuarat akan datang panggil dia orang. We have the power to call them to come.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Media access* ini ya dan tajuk ini, kita ada bincang dalam jawatankuasa pengupayaan SPR itu, beberapa pindaan harus dibuat kerana SPR mendakwa dia tidak ada kuasa dalam banyak hal. Mengawal media, kemudian mengawal politik wang. Jadi kita dah sebut di dalam jawatankuasa itu. Jadi *the relevant law must be amended to institute the power* kepada pihak SPR kalau kita hendak SPR melaksanakannya. Jadi rasanya kena bincang *cross the committee* ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, buat dulu idea-idea yang bernas itu dan lepas itu kita bawak ke induklah. Saya melihat di Jerman itu pun *they regulate* tapi mereka ada *complaint biro* di mana *unfairness been will take action*. So ada *committee* atau *biro* di mana tindakan diambil kalau ataupun benda-benda itu diatasilah.

Pengundian luar, tidak ada yang baru ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sorry ya. balik kepada *media access*. Saya nak dapatkan penjelasan sama ada SKMM atau Suruhanjaya Komunikasi itu, adakah dia di bawah Kementerian Penerangan? Saya rasa tidaklah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kementerian Penerangan.

**Tuan Loke Siew Fook:** *Is it* bawah Kementerian Penerangan?

**Tuan Pengerusi:** Yes, yes. *Regulator, the regulator* di bawah Kementerian Penerangan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** KPKK.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sebab apabila kita bercakap pasal *media access*, bukan sahaja TV1 dan TV2 tetapi juga stesen-stesen televisyen swasta dan juga radio-radio swasta yang banyak sekarang ini dan dikawal oleh suruhanjaya. Jadi ia perlu saya rasa merangkumi itu.

#### ■ 1600

**Tuan Pengerusi:** Okey, nanti Jawatankuasa yang mengambil ini - *need to call them* untuk-*can give them-* because, we need by *in* juga, by *in* cadangan-cadangan ini supaya kita tahu apa akta yang berkaitan yang perlu barangkali diberi perhatian. So, minta sekali lagi ahli Jawatankuasa dan sekretariat masing-masing itu kebanyakannya SPR ini. So, kasi ingat mereka, media. So, sila berjumpa. Berkenaan dengan pengundian luar negara, tiada perubahan ini dan kita telah pun mencadangkan. Kita sudah perakui ini pada mesyuarat yang dahulu. Hanya pelaksanaannya ditunda, kecuali SPR kata melalui *postal vote*, iaitu memperluaskan sahaja kategorinya iaitu *student, civil servant, diplomat* semua itu.

Kalau melalui itu dan kaedah sudah ada di situ, hanya untuk perubahan sahaja tetapi keyakinan, khususnya pihak saudara-saudara di sebelah ini yang selalu ragu mengenai dengan undi pos. Saya melihat, *I think* ialah rakyat. Sebelah kami pun elok juga tetapi *I think there will be situation, that we should include because they are* undi pos.

Kalau sistem itu telah diperakui, kalau infrastruktur itu dipertingkatkan, *I think post is still the most effective* daripada - tetapi *of course, you will say letak di dalam sana* - Undi pos system *not necessarily by the mail* juga, undi pos *can be through diplomatic bag*, undi pos *can be literally hand carried by army*. *If pakai army*, semua pun ada yang tidak senang hati.

So okey, apa pandangan sebelah sana sebab ini adalah di peringkat pelaksanaan. Kita sudah setuju konsepnya tetapi mengatakan SPR *are not ready for it, because* kita hendak *advance voting style*. Akan tetapi kalau undi pos melalui *postal*, saya melihat Pengerusi SPR itu mengatakan bahawa barangkali *the Commissions* boleh *consider*.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Minta penjelasan daripada SPR sama ada taklimat telah pun diberikan ataupun tidak kepada kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara berhubung beberapa perkara dasar yang telah kita putuskan dalam proses pilihan raya ini.

**Tuan Pengerusi:** Dato' Noordin, boleh?

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Setakat ini belum lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Seterusnya, peraturan-peraturan untuk pengundi luar negara, belum?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sebab saya ingat dalam beberapa pertemuan yang lalu SPR ada menyatakan bahawa mereka telah melantik pegawai-pegawai di kedutaan asing untuk mendaftar.

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Yang Berhormat, yang itu maksudnya kita buat masa ini kita telah melantik Penolong Pendaftar Pemilih untuk membantu pendaftaran pemilih di sana di kalangan pelajar dan juga di kalangan kakitangan kita di kedutaan.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang boleh jadi pengundi?

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Ya, boleh mendaftar...

**Tuan Pengerusi:** Dalam kategori yang dua itu, pelajar sama kakitangan kerajaan.

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi dalam .....

**Tuan Pengerusi:** Selepas itu tindakan mahkamah kah ini?

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Belum Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Oleh kerana kita hendak menggalakkan orang ramai mendaftar, selain dalam negeri kita minta bantuan daripada parti-parti politik, kita juga sudah lama melantik pendaftar di *embassy* kita, di kedutaan kita.

**Tuan Pengerusi:** Pendaftaran ini?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi dalam perbincangan saya dengan duta Malaysia ke United Kingdom, Dato' Zakaria baru-baru ini bersama Dato' Maximus pun ada, beliau mengesahkan belum ada.

**Tuan Pengerusi:** Belum ada bagi UK.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** *I mean* United Kingdom salah satu kedutaan terbesar yang melibatkan ramai rakyat Malaysia tetapi belum ada pegawai kedutaan yang dilantik sebagai pendaftar pemilih, belum taklimat diberikan. Ini bagi saya amat membimbangkan, kalaular pilihan raya dalam masa terdekat dan United Kingdom melibatkan ramai rakyat Malaysia dan perkara ini akan menimbulkan masalah.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali mahu keputusan dibuat, belum lagi? Sila ulas, silakan.

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita telah membuat lama sebenarnya. Hari itu pun timbul isu yang sama dan kita perjelaskan, kita ada senarai, banyak kita telah lantik sebenarnya beberapa bulan yang lampau, lama dah. Selain daripada melantik Penolong Pendaftar kita di setiap kedutaan, kita juga berikan garis panduan kepada mereka bagaimana untuk mendaftar, mengisi borang 'A', kepada siapa borang 'A' itu hendak dikembalikan, benda itu kita sudah buat lama.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau di UK itu, *ambassador* baru, *high commissioner* baru atau bagaimana?

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Dia hanya pendaftaran kepada *students* sahaja, bukan kepada orang ramai.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Masalahnya, sepatutnya rakyat Malaysia yang berkhidmat di luar negara, *students* sepenuh masa. Kalau duta sendiri mengesahkan belum ada pelantikan, belum ada taklimat, ini yang masalahnya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Dato' Noordin, ada apa-apa tambahan?

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** *To my knowledge, they got all the borang.*

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Sebagai tambahan dan makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk seluruh negara, kita melantik 104 pejabat perwakilan di seluruh dunia untuk menjadi Penolong Pendaftar mendaftar bagi pihak kita. Kita juga sertakan garis panduan dan kita memang menerima sehingga hari ini. Borang daripada United Kingdom kita juga terima dan juga orang 'A' Tuan Pengerusi. Borang pendaftaran pemilih yang dikemukakan oleh pelajar-pelajar sepenuh masa dan juga daripada kakitangan kedutaan dan juga isteri. Kita ada terima, cuma bilangannya tidak banyak, termasuk di UK.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Nampaknya ada maklumat tambahan sedikit kerana apa yang kami dengar daripada Hicom. Barangkali mereka tidak ditaklimatkan oleh pegawai rendah, kalau boleh *the next meeting you just give us the list* kedutaan yang sudah ada wakil pendaftaran, senang.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, saya pun terima aduan semasa di London. Ada juga rakyat Malaysia saya jumpa. Mereka kata mereka cuba hendak mendaftar di kedutaan dan pegawai-pegawai di kedutaan tidak dapat memberikan maklumat yang tepat ataupun mereka tidak faham atau bagaimana didaftarkan dan sebagainya. Mungkin cadangan daripada Tuan Pengerusi tadi, mungkin SPR boleh bekalkan kepada kita senarai penuh semua Pendaftar Pemilih itu di seluruh dunia. Tidak banyak, mungkin 200 lebih. 104 negara tetapi berapa Pendaftar Pemilih? Mungkin di UK ada dua tiga orang.

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Kita lantik mengikut jawatan. Maknanya, kedutaan itu sendiri dan bukanlah kita lantik individu, Tuan Pengerusi. Maknanya, pegawai-pegawai di kedutaan itu boleh mendaftar bagi pihak kita tetapi bukan *by person*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi adakah kedutaan menetapkan seorang pegawai khas sebab ini saya rasa menimbulkan keraguan kadang-kadang, mereka panggil kedutaan, kedutaan tidak tahu siapa pegawai yang bertanggungjawab. Ada pegawai Kementerian Luar Negeri tak di sini.., mungkin boleh bantu?

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey silakan. *Thank you.*

**Encik Dzulkefly Abdullah:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti yang dikatakan oleh SPR, so memang telah kita daftarkan Penolong Pendaftar Pemilih ini di kedutaan kita di luar negara. Kita terima permohonan juga dari rakyat Malaysia di luar negara untuk menjadi pendaftar. Kita hantar pada SPR melalui beg diplomatik dan sebagainya. So sudah ada, sudah wujud, mungkin duta kita tidak dapat taklimat yang sebenarnya di London itu tetapi sudah ada seperti yang dikatakan SPR tadi. Mungkin hebahan terhad, tidak ada dalam *website*.

**Tuan Pengerusi:** *I think* mungkin ada *miscommunication* sedikit kerana duta-duta yang mengatakan yang...

**Tuan Loke Siew Fook:** Hendak tanya lanjut sedikit, ada atau tidak pegawai khas dilantik di setiap kedutaan untuk perkara ini?

**Encik Dzulkefly Abdullah:** Senarai ini kita sudah bagi pada SPR untuk keluarkan surat pelantikan. *So,...*

**Tuan Pengerusi:** Dato' Noordin ada?

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Kita boleh berikan kepada Jawatankuasa kalau kita...

**Tuan Pengerusi:** Ya, kita tunggu sahaja berapa banyak supaya kita boleh tahu mana yang masih kosong dan kita boleh buat cadangan untuk *student*.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, pelantikan Penolong Pendaftar ini untuk mendaftarkan pemilih.

**Tuan Pengerusi:** Yes.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jadi, tanggungjawabnya sepatutnya macam kita di sini, daftar siapa sahaja yang layak. Jadi di luar negara juga sepatutnya mendaftar sesiapa sahaja yang layak dan bukan hanya dua kategori. Dua kategori sahaja.

■ 1610

**Tuan Pengerusi:** Sekejap, sekejap. Yes.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Dua sahaja tetapi sepatutnya boleh daftar seluruh rakyat untuk jadi pemilih. Kenapa pula tidak boleh? Bukan hendak jadi pendaftar pos? Boleh, boleh.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, saya perjelaskan di sini. Mereka boleh mendaftar sesiapa sahaja.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Sesiapa sahaja.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tinggal lagi yang saya sebutkan tadi dua kategori itu hanya yang layak untuk undi pos.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Undi pos. Jadi sepatutnya maklumat itu diberitahu kepada semua rakyat Malaysia yang boleh mendaftar sebagai pemilih, yang belum mendaftar.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, ya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Untuk mendaftar di kedutaan. Namun untuk menjadi daftar undi pos, kena daftar lain pula. Kena mohon lain pula.

**Tuan Pengerusi:** Itu jelas. Dia boleh mendaftar sesiapa sahaja rakyat Malaysia di luar negara asal layak untuk mengundi. Okey, untuk tujuan pendaftaran. Bukan pendaftaran untuk undi pos. Itu mengikut kategori.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Then, kita ada kaki itu tadi.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** SPR memaklumkan pelantikan dibuat kepada kedutaan tetapi keterangan daripada Wisma Putra sebentar tadi menunjukkan mereka telah pun mengemukakan nama-nama pegawai khusus kepada SPR supaya surat pelantikan dikeluarkan. Maknanya di setiap kedutaan itu ada pegawai khusus untuk sebagai pendaftar. So, maknanya pelantikan itu bukan kepada kedutaan. Dia ada pegawai khusus selaku penolong pendaftar. Jadi kita hendak tahu siapa pegawai yang berkenaan di setiap kedutaan?

**Tuan Pengerusi:** Boleh, boleh.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Dan pegawai-pegawai ini...

**Tuan Pengerusi:** Ataupun lantik itu kedutaan. Kedutaan cadangkan pegawai. Bukan begitukah?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itulah. Wisma Putra beri keterangan tadi nama-nama telah pun diterima dan dihantar kepada SPR.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, saya jelaskan. Nama-nama yang dikemukakan itu adalah nama-nama pegawai di perwakilan. Apa yang kita lantik adalah mana-mana pegawai di kedutaan itu. Bermakna bukanlah spesifik kepada orang-orang tertentu kerana pegawai keluar masuk. Jadi pegawai-pegawai mana yang bertugas di kedutaan itu boleh mendaftar. Boleh menerima pendaftaran borang A tadi.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, kalau saya boleh cadangkan untuk kemaskan dari segi pentadbiran ini. Ini yang menimbulkan masalah. Kalau dia hanya melantik mana-mana pegawai, maka rakyat Malaysia di luar itu dia bila *contact* kedutaan, mereka pun tidak tahu siapa pegawai yang bertanggungjawab. Sebab itu Wisma Putra saya ingat mengambil inisiatif untuk mengemukakan nama pegawai khusus yang perlu dilantik sebagai penolong pendaftar. Jadi kita pun boleh masukkan dalam *website* di Kedutaan Malaysia di United Kingdom, pegawai ini yang telah dilantik sebagai penolong pendaftar.

Jadi, rakyat Malaysia mudah untuk menghubungi pegawai yang berkenaan. Kalau tidak ini yang masalahnya. Kita terima *complaint*. Dia *call* kedutaan. Kami tidak tahu, kita tidak ada maklumat. Akan tetapi kalau dalam laman web Kedutaan Malaysia di mana-mana negara pun, ada nama pegawai khusus seperti yang telah diputuskan oleh Wisma Putra, ini boleh membantu proses pendaftaran pemilih di kalangan rakyat Malaysia di luar negara. Saya ingat ini salah satu cara yang patut kita setuju untuk dilaksanakan oleh SPR.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *I mean* kita sedar juga yang pegawai berubah-ubah. *So if you lantik then six months later* begitu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, kalau boleh...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi harus dicadangkan oleh duta ini. Duta...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya. Amalannya *at least* dia *2+1 posting* ini. Dia tidak ada pergi tiga bulan dan balik. Biasanya *2+1* dan nama ini pun telah diputuskan dan dicadangkan oleh Wisma Putra. Jadi Wisma Putra lebih arif. Tidak akan dia hendak cadangkan nama pegawai yang hendak balik bulan depan. Sudah tentulah dia cadangkan nama pegawai yang akan berkhidmat di situ dalam satu jangka masa yang munasabah untuk menjadi penolong pendaftar.

**Tuan Pengerusi:**

Okey, minta pihak SPR sama Kementerian Luar Negeri teliti perkara ini dan cuba bekalkan kami pada minggu depan senarai di mana sudah ada formaliti untuk rakyat kita untuk mendaftar di sesuatu kedutaan itu. Ada juga duta-duta yang katakan mereka tidak cukup orang untuk, *two or three people doing at the same time* dengan izin. Itulah. Bila borang kita datang tidak menentu siapa sebenarnya *contact point, key person* yang ada kuasa mendaftar. Barangkali boleh lebih jelas pada minggu depan. Boleh kasi kami apa keadaan sebenar.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengundian luar negara ini lagi. Dalam laporan interim kita, Jawatankuasa memang telah membuat *resolution* untuk membuka ruang kepada pengundian di luar negara. *Overseas voting*. SPR memberi maklumat bahawa mereka KIV sebab ada masalah logistik dan sebagainya. Cuma kita pernah dalam mesyuarat Jawatankuasa meminta SPR bagi satu *dateline* untuk bagi kepada kita bila boleh dilaksanakan? Ini kerana sehingga hari ini, beberapa kali taklimat daripada Pengerusi SPR sendiri belum lagi menyentuh perkara ini.

Saya rasa sebelum kita akhiri *term* kita dalam PSC, sepatutnya ada satu *resolution* daripada pihak SPR sama ada perkara ini boleh dilaksanakan dalam PRU yang ke-13? Kalau betul kata *embassy* tidak dapat laksanakan, apakah SPR boleh memberi cadangan *counter proposal* kepada PSC untuk laksanakan secara pos? Buka kategori itu. Bukan sahaja pelajar dan juga pegawai kedutaan tetapi juga orang awam yang di luar negara. Kalau itu dapat dicadangkan balik kepada kita, kita boleh ambil satu *resolution* kalau kita setuju semua dilaksanakan. Kaedah itu sudah ada yang diguna pakai oleh SPR. Sekurang-kurangnya tab itu dibuka kepada orang ramai, kepada orang lain di luar negara.

Keduanya Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Mengenai hal itu, saya melihat taklimat *respond* pertama itu waktu kita di *Penang* bahawa jika mengundi pos, maka itu boleh dipertimbangkan. Akan tetapi kalau dalam kertas cadangan kita dulu, *advance voting* itu memang mereka kata tidak sanggup. So, *may be* cuba minta ulasan *finding* muktamad daripada pihak itu. Kalau sebagai satu langkah pertama barangkali dibuka itu *normal* perubahan peraturanlah. At least rakyat kita di luar negara, *excitement* mereka pada masa kita beritahu kita buat syor itu memang tinggi. Akan tetapi memang selepas itu pihak SPR ada tunjuk sebab dia kata kumpulan kita di sini tidak minat dengan undi pos. So, tetapi *counter propose for officiallylah*. I think kalau bilang pos, masuk kategori satu sahaja lagi. Bukankah?

**Tuan Loke Siew Fook:** Kita boleh pertimbangkan. Setuju atau tidak setuju itu adalah perkara lain. At least ada *feedback* sebab KIV terlalu panjang daripada SPR.

Keduanya, berkenaan dengan *overseas voting* ini. Kita saya rasa dalam laporan kita, kita pun ada kata pengundi-pengundi daripada Sabah dan Sarawak yang bekerja di Semenanjung, saya rasa itu kita telah ada buat cadangan. Buat *advance voting* di Semenanjung. Buka beberapa pusat mengundi di beberapa zon di Semenanjung untuk khususnya pengundi-pengundi di Sabah dan Sarawak. Ini pun belum ada maklum balas daripada SPR dan saya harap ini dapat diberikan maklumat ataupun ada *feedback* daripada SPR bagaimana pelaksanaan perkara ini kerana ini telah pun diputuskan sebelum ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya memang itu lagi. Akan tetapi reaksi waktu itu di *Penang* saya masih ingat begitu juga. Dia kata belum tersedia kalau mahu *advance voting* dan walaupun kita cadangkan. Untuk jangka pendek dia katakan. Dia bukan katakan tidak boleh jangka panjang tetapi bagi yang jangka pendek yang kita cadangkan. *Advance voting* bukan sahaja di beberapa tempat. Dilema itu beberapa peti hendak buka dan begitu kecuali *postal vote* macam *UK apply* ataupun *Germany apply*. Dia pohon kalau dia pergi *holiday* dua minggu semasa pemilihan, dia minta *postal vote*. Kami minta *updatelah* dari segi reaksi itu *because as we finish our report*. Betul juga. Kita perlu ulasan terkini mengenai cadangan itu.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ini, rasanya kita sudah putuskan dahulu iaitu tidak boleh. Maknanya mereka kena balik ke Sabah dan mereka kena balik ke Sarawak. Sama juga dengan daripada Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Mereka kena balik. Kita sudah putuskan dahulu untuk isu yang kedua ini.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi itulah. Jawatankuasa belum lagi – belum puas hatilah. Belum puas hati.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *Until the final report with us.* Saya rasa mengikut pengalaman kita, SPR ini dia pun ada juga *soft spot* dia. Kadang-kadang dia kata *no. Two months on the road* dia kata boleh pula. Jadi saya rasa ini antara perkara yang SPR boleh *reviewlah*.

**Tuan Pengerusi:** *Actually* waktu kita maklumkan itu, waktu diterima, dicadangkan, *this is the popular request* dari... Hanya dari segi *practicalitynya* lah..., *may be* untuk kali ini sahaja dimasukkan. *I think we open* dalam perkara ini *if either* undi pos ataupun *advance voting*. *Advance voting* memang banyak kerjalah. Beberapa peti hendak dipasangkan *on this thing*.

## ■ 1620

Akan tetapi kalau dia undi pos dalam tradisional konteks itu masuk dalam bag sahaja dan baru *sort out*. So, itu satu lagi perkara untuk rujukan barangkali lembaga hendak bermesyuarat dan tengok apa yang boleh *deal*. Itu yang *it say* jangka pendek tidak boleh, tetapi *for future to be look further*. Orang kata ada harapan lah *you know*, okey.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat, saya masih hendak balik kepada satu tajuk dahulu yang saya tanya kepada SPR. Adakah SPR bersedia berkenaan dengan tentera dan polis yang kita bersetuju untuk mereka dibenarkan undi awal. Kad mereka ini. Saya masih lagi berasa tidak berapa puas hati sebab saya berjumpa dengan beberapa orang kakitangan polis khususnya. Ada yang mengatakan kadnya belum ditukarkan lagi kepada Mypolis. Dia masih lagi menggunakan *authority card*. Jadi, ini mengelirukan saya sebab *assurance* daripada SPR mengatakan bila keluarkan daftar pemilih kemudian, hendak pilihan raya ini dia akan ada dua nama, dua nombor. Nombor awam dan nombor tentera atau pun nombor polis. Jadi, ini akan *eliminate*, orang kata hendak mengundi dua kali. *Nobody will can* mengundi dua kali. Saya berasa puas hatilah tetapi saya berjumpa dengan beberapa orang pegawai polis, bukan tentera, maaf. Pegawai polis.

Saya kata you sudah tukarkah? Dia kata tidak ada pun. Dia tunjuk *authority card* yang lama. Yang Mypolis tidak ada? Tidak ada pun dia kata. Bukan SPR, itu Jabatan Pendaftaran Negara sebab SPR dia hanya daftar sahaja. Jabatan Pendaftaran Negara, adakah proses ini telah *complete* kah atau masih lagi belum selesai lagi pendaftaran atau pun pengeluaran kad Mypolis ini kepada semua anggota polis dan juga mungkin tentera jugalah.

**Tuan Pengerusi:** Jabatan Pendaftaran atau pun Kementerian Dalam Negeri atau pun Kementerian Pertahanan. Dengar daripada Jabatan Pendaftaran Negara dahulu, sudah keluar?

**Encik Ruslan bin Alias:** Tuan Pengerusi, dia tidak ada Mypolis. Sebenarnya Mytentera. Polis ini dia guna Mykad biasa sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Encik Ruslan bin Alias:** Okey, pembetulan sedikit. Dari segi semua permohonan daripada polis dan tentera yang kita terima semua kita telah proses kecuali yang belum memohon. Pihak-pihak polis dan pihak tentera.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang belum memohonlah.

**Encik Ruslan bin Alias:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali ini yang belum memohon ini.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Apa makna yang belum memohon ini?

**Tuan Pengerusi:** Adakah kena pohon atau pun ada *option* kah?

**Encik Ruslan bin Alias:** Senarai sama ada yang belum mohon atau pun tidak itu PDRM sendirilah atau pun tentera yang boleh menentukan berapa lagi jumlah yang belum datang lagi ke Jabatan Pendaftaran Negara.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, dalam mesyuarat yang lalu, ada statistik yang telah diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri dan juga tentera.

Saya ingat polis lebih kurang dalam 15,000 atau pun 19,000 atau pun 9,000 yang belum kemukakan permohonan untuk tukar. Jadi, persoalannya apakah kita hendak tunggu setiap individu memohon atau pun tanggungjawab pihak Kementerian Dalam Negeri untuk kemukakan senarai itu dan JPN akan beri kad pengenalan yang awam bersama nombor polis sebab kalau hendak tunggu dia mohon mungkin ada masalah. Itu yang dinyatakan apakah ada opsyen hendak memohon atau pun tidak perlu memohon. Saya ingat ada statistik yang diberikan dalam mesyuarat yang lepas. Saya ada 9,000 begitu kalau polis dan beberapa ribu tentera yang belum memohon.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, sebab saya tidak hendakkan benda ini menjadi isu kemudian hari. Apabila kita ada pilihan raya, 9,000 polis ini, katalah 9,000 kah, 7,000 kah, tentera ada beberapa ribu lagi yang masih belum tukar kepada kad yang sepatutnya ditukar, maka nama mereka yang akan timbul dalam buku daftar pemilih itu akan menimbulkan keraguan kepada pihak-pihak lain yang mengatakan ini nama kad tentera. Mungkin dia boleh mengundi sekali lagi, satu lagi menggunakan kad awam. Ini yang saya takut benda ini akan berlaku. Kita bekerja, rata pergi, pergi ke Eropah akan tetapi benda yang *basic* ini tidak terlaksana. Ia akan menimbulkan keraguan. Ini yang saya bimbang. Ya, ya sila.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Forensik Data Bank) Bukit Aman]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pihak polis semasa taklimat yang akhir dahulu, *the last meeting is about a few thousand but* macam mana yang saya katakan dahulu bahawa *the on going process of* permohonan sehingga *yesterday* cuma seramai 420 sahaja yang belum mendapat kad Mykad, yang belum memohon. Mereka ini adalah tergolong daripada pegawai-pegawai yang telah ditahan kerja, digantung kerja, dan juga yang telah bolos dalam tugas. *And a few* masih dalam proses permohonan. Seramai 420 orang pegawai dan anggota PDRM yang belum *apply* Mykad dan 153 masih dalam ditahan kerja, digantung kerja dan bolos di dalam tugas.

**Tuan Pengerusi:** Jadi Yang Berhormat Kangar, 420 yang belum terima? Ini yang belum memohon.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi, tentera macam mana? Tentera 100% semua?

**Lt. Kol. Omar Daud [Penolong Setiausaha (Unit Kabinet dan Parlimen) Kementerian Pertahanan]:** Tuan Pengerusi, okey ekoran daripada di JB lagi *infact* kami sudah mengarahkan supaya perkara ini dilaksanakan segera. Benda sama dalam *on going process*. Akan tetapi dengan SPR, kami sekarang ini lebih kurang 600 lagi yang belum *tally* kalau tidak silap saya. Masih ada sedikit perbezaan. Benda ini difahamkan akan selesai sebelum akhir bulan ini. Betul tidak, SPR?

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Lt. Kol. Omar Daud:** No, yang tidak *tally* dengan SPR. Yang sudah daftar tetapi tidak *tally* dengan SPR.

**Tuan Pengerusi:** Jadi jumlah tidak *tally*?

**Lt. Kol. Omar Daud:** Lebih kurang 600 kalau tidak salah saya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Soalan saya sekarang saya tujukan kepada SPR pula. Lepas dua agensi tadi jawab, jadi SPR bila hendak dikeluarkan kita punya buku daftar pemilih akan datang? Adakah daftar pemilih ini yang terakhir? Setiap buku daftar pemilih, tiap-tiap satu peti undi yang terakhir itu tenteralah dan orang yang tidak hadir. Adakah mereka ini yang tentera dan polis ini akan mengandungi dua-dua *number* itu, satu nombor kad pengenalan awam dan satu lagi kad pengenalan tentera itu. Itu yang saya hendak tahu, *will that be the case?*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, jaminan memang begitu.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, isu sekarang ini iaitu untuk hari mengundi. Hari mengundi bagi pasukan keselamatan tentera dan polis, ia hadir bersama kad kuasa dialah. Maknanya kalau orang awam dia bawa ID dia lah, Mykad dan sebagainya. Jadi, untuk polis dan tentera dia bawa kad kuasa dia.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sekarang kita tahu lah dia akan bawa kad pengenalan dia. Hanya 420 orang yang polis...

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Okey, isu yang timbul di sini Tuan Pengerusi baru-baru ini yang mendaftar dengan SPR adalah menggunakan nombor perkhidmatan mereka. Tinggal lagi baru-baru ini ada sedikit lagi iaitu nombor itu bila cek dengan Jabatan Pendaftaran Negara dia tidak sama apa yang ada dalam rekod JPN.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dia bukan warganegara?

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Dia mendaftar dengan kita. Diberikan oleh GRP dalam konteks MINDEF, diberikan oleh polis kalau PDRM dan kita daftarkan. Bila kita semak dengan JPN tidak sama dengan apa yang ada di JPN, itu untuk kita hendak buat pembersihan supaya bila disemak ada di situ, ada Mykadnya. Jadi, kita hendak *eliminate* pertindihan tadi Tuan Pengerusi. Jadi yang itu masih lagi kita bersama JPN.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Jadi, berapa jumlahnya?

**Tuan Pengerusi:** Ya, itulah itu. Berapa yang terlibat seperti ini?

**Tuan Haji Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]:** Ada 600 dan 400 yang dimaklumkan tadilah.

**Tuan Pengerusi:** Ada 600 tentera dan 400 polis.

**Mejar Ali Puad Ahmad:** Okey Tuan Pengerusi, tentera setakat ini ada 653 orang lagi yang kita masih semak.

■ 1630

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau saya boleh dapat penjelasan sedikit, maknanya 653 anggota dan pegawai tentera yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan tetapi tidak dapat dikesan dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, begitu?

**Mejar Ali Puad Ahmad [Pengurus ICT, Kementerian Pertahanan]:** Biar saya...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, jadi betul tidak?

**Tuan Pengerusi:** Kenapa itu?

**Encik Ruslan bin Alias:** Tuan Pengerusi, salah satu punca yang boleh- kita hendak *match* itu tidak *match*. So, oleh kerana nombor tentera ini ia berubah, yang lapan digit itu ia berubah. Kita dimaklumkan oleh tentera, nombor itu ia berubah daripada semasa ke semasa. Jadi, apabila kita merujuk kepada rekod lama dan kemungkinan ia tidak *match*lah sebab nombor itu sudah berubah, nombor tentera itu sudah berubah. Bukan nombor yang 12 digit, itu salah satu punca. Satu lagi mungkin kesilapan semasa menaip yang nombor tentera itu. Itu yang menyebabkan apabila kita *match* di dalam sistem, ia tidak *match*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Betulkah, tidak betul? Ini timbul oleh sebab-saya tengok ini saya punya perhatian dan pandangan sayalah kepada buku daftar pemilih. Kadang-kadang apabila nombor tentera itu kadang-kadang dia tulis 'T', selepas itu dia tukar kepada lain kepada 'W', mengikut - saya pun kadang-kadang saya fikir ini buat cara pandai mereka sahaja. Kadang-kadang dia tukar tetapi orang yang sama. Nombor itu dia tukar huruf depan itu. Betulkah begitu, pasal apa ditukar begitu? Adakah ini oleh kerana itu yang menimbulkan masalah ini.

**Mejar Ali Puad Ahmad:** Yang Berhormat Dato' Seri, nombor tentera ini sebenarnya kalau dulu memang ada banyaklah *alphabet* depan itu. Ada yang 'E' untuk *engineer*, 'M' untuk *medical*, kalau 'N' untuk *navy and then* kalau kita yang biasa ini, darat pakai 'T' sahajalah dekat depan itu. Akan tetapi sekarang ini kita cuma ada dua sahaja, 'N' untuk *navy* dan yang lain-lain itu pakai 'T' sahaja dekat depan. So, yang perubahan nombor tentera ini apabila bertukar perkhidmatan, contohnya daripada darat tukar ke *navy*, so dia akan pakai nombor *navy*. Kadang-kadang pertukaran itu memang berlaku sepanjang masa.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Mejar Ali Puad Ahmad:** Jadi, sekarang yang 653 itu kita terpaksa buka balik fail *personal* dia. Kita tengok sama ada perubahan nombor itu disebabkan- ataupun sebab-sebab masalah lain atau salah *key in* dan sebagainya. Jadi, itu mengambil masa sedikit. Kita cuba selesaikan dalam bulan tiga inilah.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi walaupun tidak juga begitu banyaklah...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jadi, persoalan Yang Berhormat Kangar itu tadi bila senarai DPI itu yang akan diterbitkan dengan dua-dua nombor itu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Bila diterbitkan, satu lagi minta maaf Yang Berhormat Kuala Krai. Bila hari mengundi ini mereka akan datang, dia bawa dia punya MyKadlah betulkan? Dia tidak akan bawa dia punya kad autoriti kad dia. Dia akan bawa MyKad dia untuk hendak mengundi dan MyPolis.

**Tuan Pengerusi:** MyPolis?... MyTentera, MyTentera.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** MyTentera, maaf. Polis tidak ada. Polis bawa MyKad tetapi tentera bawa MyTentera, tidak ada lagi kad autoriti dia. Tinggal hanya 420 sahaja lagi dan 600 beberapa orang tentera lagi yang...

**Tuan Pengerusi:** Betul!

**Lt. Kol. Omar Daud:** Kami ada satu kad sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Eh!

**Lt. Kol. Omar Daud:** MyTentera.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Okey, *alright*.

**Lt. Kol. Omar Daud:** *Sure alright.* Jadi, di dalam itu ada dua nombor, tentera dan juga nombor kad pengenalan awam.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yes, yes okey. Polis macam mana?

**SAC Dato' Abdul Malek Harun:** Polis ada dua kad Tuan Pengerusi. Satu ialah kuasa *and then the other one is MyKad*, mereka sedang mohon sekarang ini.

**Tuan Pengerusi:** So, untuk mengundi dua-dua boleh pakai?

**SAC Dato' Abdul Malek Harun:** Saya difahamkan MyKad.

**Tuan Pengerusi:** Harus MyKad sahaja. Cukup jelas pihak Suruhanjaya Pilihan Raya?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Buku yang keluar, daftar pemilihnya keluar akan mengandungi nama dia dan nombor awam dan nombor tentera, nombor polis ataupun tentera tidak ada lagi sudah dia pakai nombor MyTentera sahaja, macam mana? Saya...

**Tuan Pengerusi:** Ini perlu bagus beri jelas betul-betul supaya kita *standardised explanation*.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, untuk polis dan tentera kita menggunakan kad kuasa mereka apabila hendak mengundi.

**Tuan Pengerusi:** So, di dalam daftar pemilih, nombor kad kuasa atau nombor MyKad.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Kalau yang ada dua-dua, kita masuk dua-dua. Dua-dua Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** I see.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Akan tetapi untuk *verification*, kalau dia polis ataupun tentera, kita gunakan kad dia.

**Tuan Pengerusi:** Kad kuasa kalau polis?

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Yes. Sekarang ini yang macam MyKad dan MyTentera ini baru Tuan Pengerusi. Sebelum itu pun kita memang menggunakan kad mereka.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *at let us make it* jelas. Polis, kad kuasa. Tentera, MyTentera pada masa pergi mengundi tetapi nama di situ, dua-dua nombor ada di situ. Kad kuasa punya nombor dan MyKad atau MyTentera dan MyKad.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Untuk daftar pemilih Tuan Pengerusi.

**Mejar Ali Puad Ahmad:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Mejar Ali Puad Ahmad:** Bagi tentera kita memang ada satu sahaja, MyTentera. Sekarang ini kita sudah selesai, cuma yang *absent* sahaja masih belum buat lagilah.

**Tuan Pengerusi:** Yang 400 inilah.

**Mejar Ali Puad Ahmad:** Yang 653 ini saya rasa mungkin sudah buat, cuma data dalam pendaftaran sahaja mungkin tidak *match* yang kita cuba dapatkan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey. Itu tidak mengapa itu 600 tetapi di dalam daftar pemilih untuk tentera, apa nombor yang keluar sana? MyTentera kah, atau Suruhanjaya Pilihan Rayakah?

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Dua-dua. Kita dijanjikan dua-dua.

**Tuan Pengerusi:** Dua-dua dia kata.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Nombor-nombornya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, yalah. Nombor MyTentera dan nombor MyKad. Betul kah?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, saya tengok kalau...

**Lt. Kol. Omar Daud:** Janji dulu dua-dua, biasalah. Akan tetapi kalau di faham saya semasa kita berbincang tetapi sekiranya timbul satu sahaja dalam tentera masih boleh dibenarkan mengundi, itu difahamkan. Akan tetapi boleh diperbetulkan semula. Ini difahamkan semasa kita bincang yang lepas-lepas.

**Tuan Pengerusi:** Up to Suruhanjaya Pilihan Raya macam mana ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, saya minta ICT saya perjelaskan sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sabarlah Yang Berhormat Gombak. Apa sebenarnya ini.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) SPRM]:** Tuan Pengerusi, di dalam daftar pemilih, yang akan digunakan semasa pilihan raya, kita akan cetak dua-dua. MyKad, nombor KP12 dan juga nombor perkhidmatan.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Semasa mengundi, kalau macam tentera ada MyTentera, asalkan ada nombor perkhidmatan di dalam itu dia boleh gunakan. Akan tetapi macam polis, kalau dia datang menggunakan MyKad sahaja, tidak boleh. Dia kena bawa sekali kad kuasa dia sebab kita hendak baca nombor dekat kad kuasa, hendak *verify* dengan daftar pemilih sama atau tidak nombor itu dengan kad kuasa ini.

**Tuan Pengerusi:** Oh!

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ini maksudnya dalam daftar itu, polis pun ada dua nombor jugalah.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Ada dua nombor. Sebenarnya matlamat kita hendak dapatkan KP12 untuk tentera dan polis, kita hendak *control duplicate*. Masalah sebelum ini seperti yang diterangkan tadi nombor mereka kerap berubah, sedangkan nombor MyKad tidak berubah. Jadi, kita kena ada satu nombor pegang untuk memastikan orang ini orang yang sama.

**Tuan Pengerusi:** Semua 12 lah.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Jadi, 12 itulah. Jadi, untuk mengundi bagi tentera ia boleh pakai MyTentera kalau ada nombor perkhidmatan. Bagi polis, dia mesti bawa kad perkhidmatan sebab ada nombor di situ, kita hendak baca nombor itu dulu. KP12 dia tidak boleh. Kita tidak boleh pergi kepada KP12.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Dalam kad kuasa polis ini ada nombor 12 angkakah?

**SAC Dato' Abdul Malek Harun:** Dalam kad kuasa kita cuma ada *our* nombor polis sahaja. Dalam kita punya MyKad ada nombor 12 dan juga nombor kuasa polis. Ada dua nombor di sana.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Namun masih memerlukan kad kuasa untuk mengundi.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Jadi, kalau misal kata ada anggota polis yang dapat MyKad dan ada nombor perkhidmatan, boleh guna nombor MyKad sahaja. Akan tetapi kalau tidak ada...

**Tuan Pengerusi:** Mesti pakai...

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Bagi yang tidak mohon MyKad tadi itu dia kena bawa kad kuasa.

**Tuan Pengerusi:** Kad kuasa.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Begitu juga bagi anggota polis yang MyKadnya tidak mempunyai nombor perkhidmatan, dia kena bawa kad perkhidmatannya semasa mengundi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sudah jelas?

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Belum lagi. Sebab saya tengok ada sedikit percanggahan di antara pengarah IT dengan timbalan setiausaha. Jadi, kita hendak ada betul-betul jelas dan terang. Pertama, Yang Berbahagia Dato' Haji Noordin bin Che Ngah sebut tadi kalau ada dua-dua nombor, nombor MyKad dan juga nombor perkhidmatan, kita akan masukkan dua-dua. Akan tetapi kita sudah putuskan dalam Jawatankuasa ini semua tentera dan polis mesti kemukakan permohonan untuk mendapatkan MyKad.

#### ■ 1640

Jadi tidak timbul lagi kalau ada dua, kita letak dua nombor. Kalau mengikut keputusan ini semua mesti ada dua nombor sama ada tentera ataupun polis. Itu kena jelas. Ada 653 orang tentera dan lebih kurang 420 orang polis, saya harap jawatankuasa kena ambil pendirian, proses ini mesti diselesaikan dalam masa yang paling dekat, *full stop*. Jadi maknanya mulai 1 April, semua tentera dan polis mesti didaftarkan dalam daftar pemilih dengan ada dua nombor iaitu nombor perkhidmatan dan juga nombor kad pengenalan, itu yang pertama.

Kedua, tentera sekarang dia ada satu kad sahaja. Maknanya dia pergi ke pusat pembuangan undi, dia *produced* MyTentera, ada nombor kad pengenalan, ada nombor tentera dia boleh mengundi...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** [Menyampuk]

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** ...Dan kedua-dua nombor itu mesti sama dengan yang tercatat di dalam daftar pemilih, jelas. Polis, kalau mengikut Yang Berhormat Dato' Noordin katakan tadi, dia mesti membawa kad kuasa.

Saya kira Jjawatankuasa kena berhati-hati, kita tidak boleh menerima proses itu, dia mesti mempunyai kad pengenalan sebab ketua IT sebut tadi kad pengenalan ini tidak berubah, ia akan kekal tetapi kad kuasa ini mungkin boleh berubah-ubah perkhidmatan dan sebagainya, ini boleh menimbulkan masalah.

Jadi, kalau kesemua 420 pegawai dan anggota polis telah pun mengemukakan permohonan, selesai proses pembersihan maknanya dia sudah ada MyKad dan di dalam MyKad ada dua nombor dan kita mesti mewajibkan MyKad itu diwajibkan dan dibawa ke pusat pembuangan undi untuk mendapatkan kertas undi. Pada masa yang sama kita semak nombor kad pengenalan dan nombor perkhidmatannya dalam perkhidmatan polis. Saya ingat itu kita kena tegas di dalam prosedur dan ketetapan untuk membenarkan mereka membuang undi. Sebab kalau sekarang ini dia membawa kad kuasa dan tidak membawa kad pengenalan apakah kita boleh membenarkan dia untuk mengundi? Kalau ini amalan sebelum ini tetapi tujuan kita adalah untuk menambahbaikkan dan ketua IT tersebut dan kita bersetuju supaya – sebab kad pengenalan itu tidak akan berubah, yang berubah hanyalah nombor perkhidmatan. Jadi kalau nombor perkhidmatan berubah, mengapa kita harus membenarkan itu diutamakan daripada kad pengenalan MyKad.

**Tuan Pengerusi:** Kecuali yang 400 itu? 400 yang dikatakan belum mendapatkan - itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat perlu kad kuasa?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** MINDEF dan juga PDRM sudah berjanji...

**Tuan Pengerusi:** ...Bagus itu.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** ...Isu ini akan di *settle* sebelum 31 Mac.

**Tuan Pengerusi:** Okey, so kalau boleh lebih awal supaya kami ada laporan sebelum kami menyelesaikan tugas ini, dua minggu lah.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sebab apa Yang Berhormat, apabila pengundian ini dijalankan, pengundian yang kita persetujuilah dan yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa akan diadakan awal dan pengundian ini akan dijalankan mengikut biasa, mengikut orang awam biasa di mana *polling agent* akan berada di situ. Kita tidak mahu *polling agent* tidak tahu macam mana proses yang dijalankan oleh polis berlainan dengan tentera, eh macam mana pula, *polling agent* kena tahu bahawa *it's a same* serupa macam orang biasa. Dia datang masuk seorang-seorang, tangan dia, jarinya ditengok dahulu, tengok nama dia, sebut nama, nombor bilangan, nombor kad pengenalan, nama dia tengok jari okey selepas itu.

Jadi *Polling Agent* tengok di situ, tiba-tiba tengok ini, tengok ini tentera ini datang bawa kad *authority* sahaja, dia tidak membawa kad pengenalan, bolehkah dia ini mengundi?

Jadi *Polling Agent* sudah *confused*, “Eh macam mana pula tentera berlawak”, ada sesetengah bawa kad pengenalan, jadi kita tidak mahu benda itu berlaku begitu.

**Tuan Pengerusi:** ...Maklumat, ...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** ...Konsisten.

**Tuan Pengerusi:** ...Hendaklah begitu jelas supaya konsisten.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Selepas kita memutuskan semua ini kita mahukan semuanya elok dan cantik.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Seri ada taklimat SPR wilayah mengatakan *indelible ink* ini hanya untuk pengundi awam bukan untuk polis dan tentera, ini juga telah menimbulkan masalah dalam taklimat itu, *I mean* apa yang telah kita putuskan *indelible ink* ini...

**Tuan Pengerusi:** Untuk semua.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** ...*Applicable to all* ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sah ya?

**Tuan Pengerusi:** Asalkan mengundi, itu ketetapan okey cukup jelas, tidak ada yang dikecualikan, *you* kecualikan satu saya pun akan minta dikecualikan, nanti tangan kotor. Okey itu cukup jelas lah, *minute to the whole thing* untuk *indelible ink* untuk semua pengundi rakyat Malaysia.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ada satu lagi Tuan Pengerusi yang telah kita persetujui awal saya ingat empat bulan lepas iaitu daftar pemilih ketika itu kita membincangkan mengapa alamat dihilangkan. Ketua IT ketika itu memberitahu kita sedang, *I mean* mereka sedang membangunkan satu sistem untuk *locality*, begitulah ada penjelasan yang diberikan. Sebab saya beri beberapa contoh di kawasan saya macam Rumah Pangsa Taman Keramat, ada 16 blok tetapi tiba-tiba dalam daftar pemilih nombor 10 Rumah Pangsa Taman Keramat, kita tidak tahu nombor 10 Blok A, Blok 'B' atau Blok 'C'.

IT SPR memberitahu, ketika itu mereka sedang membangunkan satu sistem untuk menggabungkan *locality* tetapi setelah ada bantahan, Pengerusi SPR sendiri mengesahkan dalam pendengaran awam pada ketika itu bahawa okey, mereka akan *produce* daftar pemilih yang lengkap dengan alamat penuh. Akan tetapi sehingga ke hari ini jawatankuasa sendiri belum dapat melihat persetujuan yang telah diberikan oleh Pengerusi SPR sendiri untuk membekalkan daftar pemilih yang lengkap dengan alamat penuh dan bukan yang digabungkan *locality* itu.

Itu persetujuan yang telah dicapai tetapi kesemua Jjawatankuasa belum menerimanya lagi untuk semakan kami ya. Saya minta IT untuk membantu.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Saya hendak menjelaskannya di sini sedikit ada kesilapan, ada kekeliruan di pihak Yang Berhormat di dalam itu sebab SPR hanya bersetuju tidak mengubah daftar pemilih tetapi akan membekalkan kepada parti dalam bentuk CD mengandungi alamat pemilih tetapi format daftar pemilih yang fizikal buku itu tidak berubah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya tidak berapa kelirulah, maknanya pembekalan daftar pemilih itu dalam bentuk *hardcopy* ataupun *softcopy* mesti ada alamat penuh. Kalau dalam bentuk *hardcopy* itu format yang ada tidak apa tetapi apa juga bentuk yang diserahkan kepada kami, saya ingat sebagai permulaan jawatankuasa dahulu supaya dapat kita teliti, mesti ada alamat penuh bagi setiap pemilih.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Ya betul.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Betul?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Saya agree..

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Jadi dalam bentuk *softcopy*lah?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Dalam bentuk *soft copy* dan kita sudah pun *apply* benda ini semasa kita membuat pameran tiap-tiap suku, parti kita akan bekalkan CD, lengkap dengan alamat penuh.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu yang tambahan, yang kita bincangkan ketika itu adalah DPI.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** DPI pun begitu juga, kalau kita bekalkan, apabila kita jual DPI itu kepada parti...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Kena jual, tidak ada bekal.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** DPI mesti jual kepada parti lengkap dengan alamat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Okey tetapi kita akui sebelum ini.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi sebelum ini - kampung ataupun anu sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Jadi sekarang ini akan dibekalkan penuh ya?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Penuh.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tidak perlulah jual.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Eh, kena jual pasal kita pun pakai modal, kena collect data itu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Modal kerajaan...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Dengan alamat tebal itu.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, 50,000.

**Tuan Pengerusi:** Sebab kalau dengan alamat, adui!

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Tebal itu! Kalau senarai dengan PPU pusat pengundian kod sahaja, nama, nombor dalam daftar, IC terus nama tetapi dengan alamat aduh! Sekeping mahu lima kali tebal.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Sebab itu diberikan dalam bentuk *softcopy*.

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Dalam *softcopy* sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** CD itu dalam 80 sen sahaja, CD itu 80 sen sahaja.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* RM80,000 ini *hardcopy* kah atau *softcopy*, harga itu?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Dua-dua.

**Tuan Pengerusi:** Itu satu...

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Itu undang-undang, kita mengikut undang-undang, undang-undang kata kena bayar, kita bayarlah.

**Seorang Ahli:** Tukarlah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ada dalam undang-undang?

**Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling:** Ada.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tidak boleh pinda?

**Tuan Loke Siew Fook:** Pinda undang-undang.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Boleh Jawatankuasa PSC cadangkan kita pinda undang-undang? Saya beli *hardcopy* untuk seluruh Malaysia RM48,000 Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ertinya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Maknanya kalau CD baru 80 sen mungkin *label*, mungkin RM2.00 baru RM2.80 baru RM48,000. saya ingat kena pinda, mana boleh jual RM50,000 CD.

**Tuan Pengerusi:** Kalau kita bangkitkan ini dalam mesyuarat itu, dialog dengan kepimpinan SPR dan mereka katakan mereka akan membawa ke peringkat lembaga untuk membincangkannya. Akan tetapi *hardcopy I think* tambah itu dengan nama-nama alamat tetapi kalau CD, RM42,000kah?

**Seorang Ahli:** RM48,000...

**Tuan Pengerusi:** Untuk 222, jadi satu kawasan *roughly* 2 X 40 berapa? *Almost...*

**Tuan Loke Siew Fook:** RM200 lebih lah.

**Tuan Pengerusi:** *At least* 200 lebih.

■ 1650

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan mungkin dalam taklimat SPR yang akan datang, mungkin dalam satu minggu atau dua minggu ini, sebelum kita mengakhiri tempoh kita, saya cadangkan supaya SPR tolong bekalkan kepada setiap ahli jawatankuasa satu salinan DPI yang akan diguna pakai semasa pilihan raya. Contohlah...

**Tuan Pengerusi:** Dia belum tahu mana satu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tidak mengapa. *I mean whatever you have right now*, katakan esok pilihan raya, apa yang akan diguna pakai sekarang?

**Tuan Pengerusi:** *Last gazette.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Last gazette.* Tunjukkan kepada kita bagaimananya supaya kita boleh bawa balik, latih kita punya ejen-ejen parti.... *[Disampuk]* Bukan. Ejen kita hendak lantiklah; latihan, latihan, *just a training.*

**Tuan Pengerusi:** *Just show case*, pihak yang ada alamat ini dan yang ada dua IC itu; MyKad dan kad tentera. *How does it look like* di sini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Keduanya Tuan Pengerusi, dalam suku keempat yang baru dipamerkan baru-baru ini... *[Disampuk]* Suku terakhir, suku keempat tahun 2011 yang baru dipamerkan dan kita telah lalui proses bantahan dan sebagainya. Ada isu yang ditimbulkan bahawa senarai penandaan pemotongan itu tidak dibekalkan - alasan mengapa dipotong. Ini kerana selama ini kalau mengikut suku-suku yang sebelum ini, penandaan pemotongan itu ada alasan sama ada orang itu meninggal dunia atau dia bertukar alamat atau dilucutkan kewarganegaraan dan sebagainya. Akan tetapi untuk suku keempat, langsung tidak ada alasan itu dan dibuang sama sekali. Jadi, apabila kita hendak periksa, orang itu mengatakan dia dipotong, dia meninggal kah, dia menukar alamat kah, tidak dapat. Jadi, timbul banyak keraguan.

Apabila saya menelefon kepada Dato' Setiausaha SPR, beliau kata kalau hendak boleh, SPR boleh bagi tetapi kena menulis secara rasmi. Saya tidak faham mengapa ada dasar ini. Boleh SPR tolong jelaskan.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, saya minta tuan penasihat undang-undang saya untuk menjelaskannya. Amalan dahulu Tuan Pengerusi, kita letak satu untuk yang baru; pendaftaran baru, tukar alamat kena ada untuk penandaan pemotongan. Jadi, kalau mengikut... *[Disampuk].*

**Tuan Pengerusi:** ...Mengikut senarai dahululah. Itu senarai 'B'. Yang masuk 'B', yang potong 'C', bukankah? Kalau dahulu kita pakai 'A', 'B', 'C'.

**Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang SPRM]:** Tuan Pengerusi, keputusan untuk tidak mempamerkan senarai pemotongan itu adalah kerana tiada kehendak undang-undang sebenarnya untuk mempamerkan nama yang dipotong itu. Untuk DP3, hanya perlu dipamerkan nama untuk bertukar alamat dan pendaftaran baru. Kemudian, atas kedua-dua sebab inilah baru bantahan difailkan. Akan tetapi apabila kita meletakkan senarai pemotongan itu, terlalu banyak bantahan *on that point* sedangkan undang-undang tidak membenarkan *on that point* untuk di bantah.

Jadi, kita tidak mempamerkannya. Mengapa? Ini kerana undang-undang. Akan tetapi SPR dalam memotong nama-nama itu hanya boleh memotong nama yang meninggal dunia dan lucut warganegara. Setelah SPR berpuas hati daripada pihak-pihak yang berkuasa bahawa itu adalah kenyataan bahawa pemotongan itu adalah atas sebab dia telah meninggal dunia ataupun hilang kelayakan. Bukan dipotong sesukanya lah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya. Memang kita tahu ini tidak dipotong sesuka hati tetapi oleh kerana tidak ada alasan itu dalam senarai daftar itu, ini menimbulkan keraguan. Ini disebabkan apabila kita hendak *check*, apabila ejen parti *check*, kita bukan *check* sahaja pendaftaran baru, tukar alamat. Juga kita hendak tahu senarai yang dipotong itu sama ada dia – apakah alasannya; meninggal dunia kah atau bagaimana? Saya tidak melihat mengapa SPR tidak boleh mempamerkan alasan itu sebab selama ini memang ada. So, kita hendak ke arah yang lebih telus. Ini macam ada sedikit langkah terkebelakang.

**Tuan Pengerusi:** *May be this one will be discussed in our Jawatankuasa Daftar Pemilih next week.* Tambahan - minta Yang Berhormat, *Council* hadir sekali, okey. *Next Tuesday.* Jawatankuasa akan berbincang secara terperinci. Untuk kami, minggu hadapan pun kami jemput Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan barangkali Sabah mengenai dengan hal ini, *weightage* dan mengenai dengan dua alamat ini dan lihat apa yang akan timbul.

Baiklah Ahli Yang Berhormat, banyak masa yang ditumpukan untuk daftar pemilih. Perkara *last one* ialah sebenarnya sistem pilihan raya; *first-past-the-post versus proportional representation*, ini lagi kumpulan kelima itu. Jawatankuasa Alternatif Sistem ini... *[Disampuk]* Yang Berhormat Wangsa Maju, dia minta izinlah, dia mohon maaf tidak dapat hadir. Dia minta kita *postpone meeting* tetapi kita bilang tidak boleh.... *[Ketawa]* Dia baru tiba malam ini. So, terpaksa kita jalankan sahaja tetapi dia berjanji untuk mengemukakan cadangan-cadangan. Siapa lagi yang duduk di situ itu?... *[Disampuk]* Yang Berhormat Kapit, dia dan Yang Berhormat Kapit. Okey. Kalau dia lambat itu nanti, dia akan kena kapit.

Ingat minggu depan, *we just have a whole week* untuk bermesyuarat dan awal minggu depan dengan jawatankuasa dan senarai muktamad untuk perbincangan di peringkat jawatankuasa induk hendaklah kita berjumpa pada hari saya katakan tadi, 14 Mac *so all the submissions should be done* sebelum itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, pada awal mesyuarat tadi, saya ada bangkitkan supaya tempoh Parlimen atau tempoh berkempen itu juga dimasukkan sebagai salah satu agenda. Mana jawatankuasa kecil patut dimasukkan.

**Tuan Pengerusi:** Tempoh berkempen di bawah Jawatankuasa *Electoral Process* dan cadangan penetapan awal itu... *[Disampuk] [Ketawa]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Juga tempoh Parlimen ya. Tempoh Parlimen yang tetap.

**Tuan Pengerusi:** *Also,* juga. Ya. Dua.

**Tuan Loke Siew Fook:** *Is that under your Jawatankuasa?*

**Tuan Pengerusi:** *No.* Ia di bawah *electoral process*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, *okey.*

**Tuan Pengerusi:** *They will provides the argument* dan nanti kita balik sini, apakah pandangan kita. Ini 21 *versus* 14 semua ini. Okey. Setakat ini pihak kami masih – *well, we are open* lah. *We have continued to discuss* apa yang diutarakan.

Saya ingin melaporkan sebelum kita selesai. Daripada Jawatankuasa Daftar Pemilih, kajian yang telah dijalankan oleh pihak MIMOS, peringkat ini mengenai dengan membolehkan membantu pada penambahbaikan daripada segi pembersihan dan meneliti dengan kerjasama JPN dan SPR dan ada agensi sukarela yang terlibat.

Saya hanya sekadar memaklumkan bahawa senarai pengundi yang diwartakan ataupun bertarikh 15 Februari itu, sejumlah 12,418,075 bilangan pengundi telah pun di analisa. Daripada ini, kami telah menerima laporan hampir tiga kali. Yang terkini, pagi tadi dan saya maklumkan di sini berdasarkan pada itu, ada lima perkara induk.

Didapati - kerana memandangkan SPR sebelum ini pun telah menjalankan pembersihan dari semasa ke semasa, dengan penggunaan teknologi MIMOS yang menggunakan *cloud computing* dan *semantic* semua ini, hanya... *[Membaca Teks]*

- (a) dua orang pengundi dengan satu kad pengenalan yang sama. Satu sahaja yang didapati melalui sistem 12,418,075 ini. Tiada rekod bertindih ditemui untuk KP 12 angka ataupun nombor tentera dan nombor polis. Ini setakat ini;

- (b) pengundi yang telah meninggal dunia tetapi masih di dalam daftar pemilih, tidak ada. Ertinya ini adalah – nanti saya edarkan selepas ini. Ertinya, ini yang meninggal dunia, kalau ada maklumat daripada JPN bahawa mereka meninggal dunia, nampaknya SPR telah melakukan pembersihan. Akan tetapi kita tidak tahu berapa ramai yang mati itu sebab tidak dilaporkan;
- (c) pengundi yang berumur 90 tahun dan ke atas, 21,807 ditemui. Manakala 21,000 yang berumur 90 tahun ke atas. Kami telah minta pagi tadi, cuba buat lebih dari 100, okey. Berapa banyak ini. Okey, setakat ini 21,807.

■ 1700

- (d) pengundi bukan warganegara - tiada rekod bertindih ditemui, ertinya berasas kepada maklumat seseorang itu kerana telah hilang kelayakan tidak ada, okey. Akan tetapi setelah kami bincang pagi tadi ini tidak termasuk yang dikatakan warganegara yang diragui seperti yang disentuh banyak di Sabah misalnya, okey.
- (e) ramai pengundi dalam satu alamat. Setelah kami berbincang banyak kali, berikut berdasarkan kepada alamat-alamat yang ada dalam daftar pemilih yang lebih 100 orang dalam satu alamat - 522. Antara 51 sampai 100 dalam satu alamat - 938 alamat. Manakala yang 21 orang sampai 50 orang - 2,071 alamat. 11 orang sampai 20 orang - 3,949 alamat.

Kami telah minta supaya analisa seterusnya ialah- tetapi ini termasuk yang alamat tidak sempurna. Kadang-kadang angka satu sahaja di dalamnya ataupun angka nombor rumah sahaja. Kami telah minta supaya pecahkan mengikut itu untuk perbincangan minggu depan.

Pengundi hilang kelayakan berdasarkan kepada maklumat yang diberi ataupun di denda kah ataupun mereka kembalikan kewarganegaraan/pasport mereka adalah seperti mana juga di dalam (d) iaitu tidak ada yang ada di situ berasas kepada maklumat yang di bekal oleh agensi-agensi. Dalam ulasan kami ini memang mereka yang alamat bertindih itu sejak yang *main concern*. Oleh sebab nampaknya *duplicates* itu semua ini tidak wujud lagi.

Mengenai dengan pemilik bukan warganegara, kalau berasas kepada rekod memang tidak ada tetapi seperti masalah di Sabah dan Sarawak ini, yang diragui nama-nama dia warganegara ataupun tidak, *the honor is on them to prove that they are not*. Maka, mengikut JPN, mereka tidak boleh buat semakan kecuali ada data-data baru di bekal oleh rakyat. Begitulah, ya. So, notis yang saya berikan kepada setiap ahli untuk laporan ini masih interim. Minggu depan nanti kami lapor balik setelah satu lagi analisa yang telah berjalanlah.

Mengenai yang bertindih ini kita telah pecahkan mengikut Parlimen seluruh negara dan ini untuk kegunaan Jawatankuasa tetapi boleh melihat di situ. Di mana yang ingin lebih teliti dalam tempoh kita berfungsi, saya rasa kami telah minta beberapa penelitian mengenai yang *unusual numbers* ini. Kita pasti yang misalnya tidak ada yang lebih daripada Yang Berhormat Kota Marudu. Yang Kota Marudu tidak ada semua ini yang 10 kah, 20 kah tetapi tiba-tiba ada ini umur dia 90 tahun ke atas... [Ketawa]

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan pengerusi:** *I am the first one to go and check because mereka ada teknologi ini.* So, ini untuk makluman dan asas ini ada cadangan nanti kami kemukakan pada minggu depan. Akan tetapi yang satu kampung itu memanglah, itu biasa. Kampung kita telah keluarkan daripada analisa. Sila bekal kepada setiap Ahli Jawatankuasa untuk tujuan penelitian.

Ada apa-apa lagi *secretariat*? Masa kita sempit, sudah selesai lawatan kerja di luar negara mengikut sistem. Saya rasa kita akan bertambah waras tetapi walaupun hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih bagus lagi di sinilah... [Ketawa] Yang Berhormat Hulu Selangor ada apa-apa? Okey, Jawatankuasa tolong jalankan. Timbalan ada? Okey, Yang Berhormat Gombak? Jawatankuasa telah berjumpa. Yang Berhormat Kuala Krai..., Jawatankuasa?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *My friend* Yang Berhormat Rasah ini. Kita berjumpa dua hari lagi. Okey, dengan kata demikian terima kasih. Jumpa minggu depan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Satu lagi sebelum kita hendak balik.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Kangar.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Hendak minta penjelasan daripada SPR sekali lagi ini. Bila kita guna dakwat kekal ini. Bila orang itu datang, tiba-tiba jari dia ada sudah tanda, dia punya nama ada di situ. Macam mana, apa keputusan yang kita buat hari itu? Jari dia tertanda tetapi nama dia masih ada sebagai orang yang belum mendaftar, belum mengundi lagi. *What was the keputusan?*

**Tuan Pengerusi:** Tidak bagi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak bagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak bagi kerana ada dakwat kekal. Dakwat yang serupa dengan dakwat kekal. Begitu pun tidak bagi juga? Ada tanda di atas jari dia itu tidak boleh bagi? Walaupun dia nama dia...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kecuali dia potong jari itu buat satu lagi.

**Tuan Pengerusi:** Bagaimana dia pergi pakai *ink* biasa punya? Memang boleh tahu kah?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Bila ada tanda, ada sebarang tanda atas jari dia. Hendak tanya sebab ini mustahak.

**Seorang Ahli:** Biar putus dulu, kalau ada...

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh. Tidak boleh.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Masih tidak boleh?

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Itu tujuannya pun.

**Tuan Pengerusi:** Asalkan ada tanda?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Walaupun dia belum, memang, mengikut *polling agent* dua-dua pihak ini pun katakan dia tidak daftar.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Pergi tempat lain. *Problem* kalau pergi tempat lain.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dia pergi tempat lain.

**Tuan Pengerusi:** Bagaimana dengan mereka yang ada tanda dakwat?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Oleh kerana itu ada tanda sahaja, tidak boleh mengundi?

**Tuan Pengerusi:** Pegawai kita boleh mengesahkan bahawa dakwat itu palsu punya dakwat.

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** ...Kalau ada tanda, kita tidak benarkanlah.

**Tuan Pengerusi:** Ada juga ini, di kampung-kampung ini, dia bagi mabuk, dia bagi masuk tangannya di dalam *ink* biasa. *Ink* biasa.

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Pengerusi katakannya, warna pun lainnya.

**Dato' Haji. Noordin bin Che Ngah:** Tuan Pengerusi, sebab itu parti politik jangan bagi orang mabuklah itu sebelum hari mengundi.

**Tuan Pengerusi:** Itu zaman-zaman dululah.

**Dato' Haji Noordin bin Che Ngah:** Jangan bagi.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Kita sudah proses transformasilah. Maju ke hadapan. Akan tetapi mesti juga nakal-nakal dulu. Dia bagi mabuk orang, lepas itu kutip IC mereka, besok pagi tidak boleh bangun. Itu dulu punya. Bukanlah, di hulu-hulu di Sabah dan Sarawak dululah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu, PBS buat begitukah?

**Tuan Pengerusi:** Tidak kami mangsa... *[Ketawa]* Itulah muh transformasi itu. Okey, terima kasih. Kalau ada media sila maju, ada muh cakap juga ini kalau dia muh. Okey, terima kasih.

**Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.07 petang.**